

BERITA BUKIT AMAN

NO. ISSN: 1394-8687

EDISI: OKTOBER - DISEMBER 2025

PDRM

**PERKUKUH INTEGRITI,
TATAKELOLA DAN USAHA,
BANTERAS RASUAH**

m/s: 25

**INTEGRITI
TONGGAK KEPOLISAN
TIMBALAN KPN
INGATKAN INSPEKTOR PELATIH
HINDARI RASUAH**

m/s: 7

**PDRM DAN KPM JALIN KERJASAMA
STRATEGIK LUNCUR PROGRAM
KEMPEN ANTI BULI**

m/s: 11

**PDRM
TEROKAI POTENSI AI BAGI TRANSFORMASI
DIGITAL PASUKAN**

m/s: 23

**APNM 2025
IKTIRAF KEPIMPINAN KPN
DAN SUMBANGAN PERKEP
MALAYSIA**

m/s: 55



**MAKTAB POLIS DIRAJA
KUALA LUMPUR**



PETIKAN KATA-KATA KETUA POLIS NEGARA

Komited untuk menjadi organisasi yang dinamik dan responsif dengan memperkukuhkan kerjasama dalam bidang keselamatan dan penguatkuasaan melalui pemerkasaan dasar, pertukaran pandangan, kepakaran, inovasi dan teknologi.

**PETIKAN UCAPAN KPN SEMPENA
PDRM SPECIAL DIALOGUE IV 2025
13 NOVEMBER 2025**

Menyediakan laluan kerjaya yang jelas, latihan kepimpinan dan teknikal yang komprehensif serta penilaian berasaskan merit bagi mengukuhkan kompetensi dan peranan polis wanita dalam tugas operasi serta isu berkaitan wanita dan kanak-kanak.

**PETIKAN UCAPAN KPN SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR
PEMBANGUNAN PENGURUSAN POLIS
WANITA TAHUN 2025
8 DISEMBER 2025**

Tekad terus mencurahkan sumbangan dan khidmat bakti kepada Pasukan dan negara dengan komitmen, disiplin dan semangat juang yang tinggi.

**PETIKAN UCAPAN KPN SEMPENA
MAJLIS PEMAKAIAN SAYAP
JURUTERBANG DAN MAJLIS PENUTUPAN
RASMI KURSUS PRIVATE PILOT LICENCE
BIL. 20 SIRI 01/2023 (HELIKOPTER)
8 DISEMBER 2025**



Editor
ACP Julina Salehuddin

Penolong Editor

Supt. Wiliam anak Nobes
DSP Norhamizah Abu Bakar
ASP S.Vishvamalar A.Sirosagee
ASP Aslina Anas
ASP Nurwahida Misran

Pembantu Penolong Editor

Insp Alziz Dason
Insp Suzila Ismail
Insp Syed Mohd Fitri Syed Mohd Jufferi
Insp Nurul Syahidatul Akmal Amiruddin
Insp Norashiqien Hamzah
Insp. Mohamad Faiz Ismail
Insp. Nor Aini Mohd Tajuddin

Pereka Grafik

Sjn Mohamad Faizyal Jamaludin
Kpl Iqtar Azmi

Jurufoto

Sjn Aslam Syir Khan Fairuz Khan
Kpl Irfan Bujang
Kpl Shazril Abd Rashid
L/Kpl Hafizah Hassan Sabery
L/Kpl Nurkhairunisa Ibrahim
L/Kpl Muhammad Shafiq Abu Bakar
L/Kpl Bryanlie Mustin
Konst. Azri Mohd Sabri
Konst. Syed Muhammad Hafiz Syed Alwi

Sumbangan Artikel

Unit Penerbitan dan Publisiti (UPP)
Unit Portal dan Media Sosial (UPMS)
Unit Sumber Informasi dan Analisis (SIDA)

DEMONSTRASI LAUT UNGERIN CURI TUMPUAN HUT PPM KE-78

Klang, 3 Oktober 2025 - Aksi dramatik demonstrasi menumpaskan penjenayah di laut oleh Unit Gempur Marin (UNGERIN), Pasukan Polis Marin (PPM) dengan kerjasama Pasukan Gerakan Udara (PGU) mencuri tumpuan sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Marin ke-78 yang berlangsung di Jeti PPM Wilayah (1), Pelabuhan Klang.

Demonstrasi berkenaan mempamerkan keberanian serta kecekapan pasukan elit UNGERIN dalam menumpaskan sekumpulan penjenayah bersenjata yang cuba melarikan diri melalui jalan laut. Operasi tersebut menggabungkan taktik *Visit, Board, Search and Seizure* (VBSS) ke atas kapal induk, aksi *Close Quarter Battle* (CQB) dalam tempur jarak dekat serta sokongan helikopter AS355N milik PGU yang melakukan pemantauan udara. Hasil koordinasi kemas antara elemen laut dan udara, kesemua suspek berjaya ditumpaskan dan barang curi ditemukan semula.

Berucap dalam majlis itu, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim, yang mewakili Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail, merakamkan penghargaan atas komitmen serta dedikasi PPM dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan perairan negara.

"Sejak awal penubuhannya, PPM terus menunjukkan ketekunan dan profesionalisme tinggi dalam melindungi perairan negara daripada pelbagai ancaman. Dari 1 Januari hingga 30 September 2025 sahaja, PPM telah berjaya menumpaskan 7,136 kes dengan nilai rampasan mencecah RM491.1 juta, melibatkan penyeludupan barang kawalan, dadah, hidupan liar dan mercun, jenayah pemerdagangan orang, aktiviti pembalakan haram serta pencerobohan migran," katanya.

Majlis sambutan turut diserikan dengan persembahan pembukaan maneuvering bot ronda PPM, yang mempamerkan kecekapan jurumudi serta kemampuan aset maritim PDRM menerusi pelbagai formasi seperti "Figure of Eight", "L-Formation", "T-Formation", "Crossing Formation" dan "Emergency Stop/360°".

Terdahulu, sambutan dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan Kawalan Kehormatan Utama oleh Dato' Sri Azmi, diketuai oleh Pegawai Pemerintah Baris, DSP Nurul Azhar Abd Hamid dibantu Penolong Pegawai Pemerintah Baris, ASP Redzuan Mohidin, melibatkan seramai 102 pegawai dan anggota termasuk pembawa Panji-panji PPM, Inspektor Saravana Dinesh Murugaih.

Dalam majlis sama turut berlangsung penyampaian Sijil Penghargaan Ketua Polis Negara kepada Timbalan Komander PPM Bukit Aman dan Komander-Komander Wilayah, sebagai wakil kepada 32 penerima dari seluruh wilayah marin Kontinjen PDRM.



Kuala Lumpur, 5 Oktober 2025 - Bermula dengan pelancaran di Langkawi pada 29 September lalu sehingga melabuhkan tirai di ibu negara, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) sekali lagi membuktikan kecekapan dan profesionalisme tinggi dalam memastikan kelancaran trafik dan keselamatan pelumba sepanjang lapan hari penganjuran Le Tour de Langkawi (LTdL) 2025.

Edisi kali ini yang disertai 22 pasukan bertaraf antarabangsa menyaksikan kemuncak penuh bergaya di garisan penamat berhampiran Menara Berkembar Petronas (KLCC). Ketibaan pelumba dan petugas telah diraikan oleh Pengarah JSPT, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri yang hadir menyempurnakan penutupan rasmi kejohanan berprestij tersebut.

Peringkat kelapan yang menutup tirai perlumbaan sejauh 180.2 kilometer bermula di Dataran Ledang, Tangkak, Johor menampilkan tiga zon pecutan di Alor Gajah, Seremban dan Semenyih selain dua pendakian mencabar di Setul (276m) dan Bukit Hantu (340m). Penugasan lapangan diketuai oleh Timbalan Pengarah JSPT Bukit Aman, DCP Mohd Rozi Jidin bersama Superintenden Mohd Yatim Osman, yang memastikan perjalanan perlumbaan berjalan lancar hingga ke garisan penamat.

Kejayaan pengurusan trafik di setiap peringkat mencerminkan komitmen tinggi seluruh pegawai dan anggota JSPT dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, sekaligus mengangkat imej Polis Diraja Malaysia (PDRM) di persada antarabangsa sebagai pasukan yang unggul, cekap dan berdisiplin.

PDRM menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak, khususnya pengguna jalan raya, atas kerjasama dan sokongan padu yang diberikan sepanjang kejohanan berlangsung.



KPN HADIR ISTIADAT SAMBUTAN PERDANA MENTERI REPUBLIK ISLAM PAKISTAN KE MALAYSIA

Putrajaya, 6 Oktober 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail hadir ke Istiadat Sambutan Rasmi Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama (TYT) Muhammad Shehbaz Sharif yang berlangsung di Bangunan Perdana Putra.

Ketibaan TYT Muhammad Shehbaz telah disambut oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim sebelum lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan sebagai tanda hormat rasmi.

Kunjungan TYT Muhammad Shehbaz selama tiga hari ke Malaysia bertujuan memperkukuh hubungan diplomatik dan memperluas kerjasama strategik kedua-dua negara, khususnya dalam bidang perdagangan, pelaburan, pendidikan, teknologi serta pembangunan modal insan.

Malaysia kekal komited untuk mengeratkan hubungan persahabatan dengan Pakistan demi kesejahteraan bersama dan memastikan keamanan, kestabilan serta kemakmuran serantau terus terpelihara.





DATO' SRI HJ. MOHD KHALID SANTUNI BARISAN BEKAS KPN DAN TIMBALAN KPN DALAM MAJLIS RAMAH MESRA

Kuala Lumpur, 6 Oktober 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menyantuni barisan bekas KPN dan Timbalan KPN dalam Majlis Ramah Mesra yang diadakan di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.

Majlis bertujuan menghargai jasa serta sumbangan pimpinan terdahulu yang telah memainkan peranan penting dalam membentuk dan memperkukuh institusi kepolisan dari dahulu hingga kini. Selain itu, ia juga mengeratkan hubungan kerjasama antara pucuk pimpinan tertinggi Pasukan di samping membincangkan hala tuju strategik dan bertukar pandangan mengenai isu-isu semasa yang melibatkan keselamatan serta ketenteraman awam.

"Hubungan yang terjalin ini bukan sahaja memperkukuh silaturahim, malah menjadi ruang perkongsian ilmu dan pandangan dalam menyuntik semangat dan menyulam hikmah untuk dijadikan pedoman dalam mengemudi arah perjuangan demi kebaikan PDRM secara keseluruhan," ujar beliau.

Dalam majlis yang diadakan juga, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid berharap barisan kepimpinan tertinggi Pasukan akan sentiasa memberikan bantuan dan sokongan, khususnya melibatkan hal-hal berkaitan kebajikan seluruh warga Pasukan yang telah bersara serta mendoakan kesejahteraan kesihatan dan kebahagiaan di dunia serta akhirat buat semua, pemimpin unggul Sang Saka Biru.



KPN

SEMPURNAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KGT PDRM KALI KE-38

Kuala Lumpur, 7 Oktober 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail selaku Presiden Kelab Golf Titiwangsa (KGT) Polis Diraja Malaysia (PDRM) merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan KGT PDRM kali ke-38 yang berlangsung di Dewan Tun Hanif.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengarah Pengurusan merangkap Naib Presiden (Ex-Officio) KGT PDRM, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid serta Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik merangkap Naib Presiden (Eksekutif) KGT PDRM, CP Dato' Hussein Omar Khan.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menyeru semua ahli agar memanfaatkan mesyuarat tersebut sebagai platform diskusi untuk merangka hala tuju strategik dan membawa kemajuan berterusan kepada kelab.

Sebagai simbolik komitmen KGT PDRM terhadap pemeliharaan alam sekitar, beliau turut menyempurnakan acara gimik penanaman pokok, selaras dengan semangat sukan golf yang sinonim dengan kehijauan dan kelestarian alam.



Kuala Lumpur, 8 Oktober 2025 - Perjumpaan Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bersama Pegawai Hal Ehwal Islam Polis Diraja Malaysia (PDRM) diadakan bagi memperkasa peranan mereka sebagai pemangkin semangat dan pematap integriti warga Pasukan.

Perjumpaan yang berlangsung di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman turut dihadiri Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail serta Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, CP Dato' Hamzah Hj. Ahmad.

Majlis yang julung kali diadakan itu merupakan inisiatif murni MDN bagi mempererat hubungan dan memperkukuh jalinan kerjasama antara kepimpinan tertinggi Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama warga perkhidmatan awam yang berperanan sebagai pelaksana dasar dan penggerak di peringkat organisasi.

Seramai 187 Pegawai Hal Ehwal Islam dari kontinjen dan formasi Selangor, Kuala Lumpur (KL) serta Negeri Sembilan hadir secara

fizikal, manakala 624 pegawai dari seluruh kontinjen termasuk Sabah dan Sarawak menyertainya secara tele sidang.

Dalam amanatnya, Datuk Seri Saifuddin Nasution menyeru para pegawai memperbanyakkan program "outreach" sebagai usaha memperluas dakwah serta menghubungkan amanah tugas melampaui tanggungjawab hakiki, sekali gus memperkasa pendekatan Islam yang holistik dan memberi manfaat kepada warga Pasukan serta masyarakat.

Beliau turut menasihatkan agar para pegawai terus proaktif membangunkan khidmat komuniti di daerah masing-masing, bukan sekadar menyampaikan teori tetapi membuktikan tekad dan tanggungjawab melalui tindakan yang nyata.

Terdahulu, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada MDN atas kesudian beliau meluangkan masa bagi merealisasikan perjumpaan penuh bermakna itu.

INTEGRITI TONGGAK KEPOLISAN TIMBALAN KPN INGATKAN INSPEKTOR PELATIH HINDARI RASUAH

Kuala Lumpur, 9 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengingatkan kepada para Inspektor Pelatih yang akan memulakan fasa baharu dalam dunia kepolisan agar menghindari rasuah ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Perkara tersebut ditegaskan oleh beliau semasa menyampaikan amanat dalam Majlis Konvokesyen Tamat Latihan Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) Inspektor Pelatih Bilangan 13 Siri 1/2025 kepada 345 orang Inspektor Pelatih di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Tan Sri Ayob Khan turut menegaskan bahawa setiap pegawai polis hendaklah menjunjung integriti sebagai landasan moral dan etika tertinggi dalam melaksanakan tugas, di samping menolak sekeras-kerasnya amalan rasuah yang bukan sahaja menjejaskan kredibiliti Polis Diraja Malaysia (PDRM) malah menggugat kesejahteraan masyarakat serta kestabilan negara.



Dalam pada itu, beliau juga menzahirkan ucapan tahniah kepada semua pelatih atas kejayaan mereka menamatkan latihan dengan cemerlang, sambil menekankan kepentingan integriti, profesionalisme, perkhidmatan berkualiti dan kerjasama dengan masyarakat sebagai teras utama dalam menjalankan amanah kepolisan.

Majlis yang diadakan merupakan simbolik meraikan kejayaan 345 orang Inspektor Pelatih yang berjaya menamatkan PLAK selama sembilan bulan di institusi latihan terunggul PDRM itu selain permulaan perjalanan karier sebagai pegawai kanan PDRM yang akan ditempatkan di pelbagai kontinjen dan jabatan seluruh negara bagi melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.



TETAPKAN PENDIRIAN DAN JATI DIRI DENGAN NILAI INTEGRITI YANG TINGGI - KPN

Kuala Lumpur, 10 Oktober 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menegaskan bahawa setiap Inspektor Percubaan perlu menerapkan pendirian dan jati diri dengan nilai integriti yang tinggi sebagai persediaan dalam memikul tanggungjawab sebagai Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Kerjaya kepolisan adalah satu profesion yang sangat mencabar dari segi mental, fizikal dan emosi. Ia menuntut pengorbanan masa dan tenaga serta turut menguji ketahanan minda, kecekalan jiwa serta kredibiliti warganya untuk berhadapan dengan cabaran jenayah masa kini yang semakin rumit dan kompleks,” ujar beliau semasa menyempurnakan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Latihan Asas KePOLISan Inspektor Percubaan Bilangan 13 Siri 1/2025 di Dataran Kawad, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.



Dato' Sri Hj. Mohd Khalid juga menyeru kepada seluruh warga Sang Saka Biru untuk mempertingkatkan kawalan disiplin, integriti, moral dan etika agar tidak melakukan perkara boleh menjejaskan imej Pasukan.

Perbarisan tamat latihan tersebut disertai seramai 345 Inspektor Percubaan terdiri daripada 105 Kawalan Kehormatan Utama yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah Baris, Inspektor Percubaan Syenly Sinairi dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Pemerintah Baris, Inspektor Percubaan Ahmad Syahid Salahudin.



Majlis turut diserikan dengan keberangkatan Yang Amat Mulia, Tengku Panglima Perang, Leftenan Tengku Ahmad Ismail Mu'adzam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Terdahulu, pemeriksaan detasemen oleh Dato' Sri Hj. Mohd Khalid dengan menaiki kenderaan istiadat disusuli penyampaian sijil pelatih terbaik yang telah mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang tempoh program.

Inspektor Percubaan Mahira Alias diumumkan sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan, manakala Inspektor Percubaan Sudirman Garamah dan Inspektor Percubaan Stephanie Anak Bunyau masing-masing menerima Anugerah Pelatih Terbaik Latihan Luar Lelaki dan Wanita. Inspektor Percubaan Wong Chun Wai pula dinobatkan sebagai Pelatih Terbaik Akademik.



HSN 2025: PDRM BERI SOKONGAN PADU DI SEMUA PERINGKAT SAMBUTAN

Koh, 11 Oktober 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus menunjukkan sokongan padu terhadap penganjuran Hari Sukan Negara (HSN) 2025 melalui penglibatan aktif di semua peringkat sambutan di seluruh negara.

Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail hadir menyemarakkan Sambutan HSN Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang berlangsung meriah di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru.

Bertemakan "Malaysia Aktif", program anjuran Kementerian Belia dan Sukan itu telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Turut hadir, Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Belia dan Sukan, Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Acara senamrobik beramai-ramai yang disertai lebih 15,000 rakyat Malaysia menjadi pembuka tirai sambutan, diikuti pelepasan peserta Fit Malaysia Peringkat Kebangsaan 2025 yang merangkumi Kayuhan MADANI sejauh 35 kilometer (km), Larian Ria MADANI 5km, Berjalan Ria MADANI 3.5km serta 1,500 langkah sempena Hari Berjalan Sedunia.

Turut hadir menyokong program ialah Setiausaha Polis Malaysia, DCP Dato' Kamaruzaman Abdullah, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) Jabatan Pengurusan Bukit Aman, DCP Dato' Ahmad Dzaffir Mohd Yussof dan Timbalan Ketua Polis Perak, DCP Mohammad Azlin Hj. Sadari.



Sementara itu, HSN Peringkat PDRM telah berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Baling, Kedah dan disempurnakan oleh Timbalan KPN, Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Hadir sama, Pengarah Pengurusan merangkap Pengerusi Majlis Sukan PDRM, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid bersama isteri, Datin Sri Selmiah Tuan Ibrahim yang juga Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Jabatan Pengurusan.

Dalam Perutusan KPN yang dibacakan oleh Tan Sri Ayob Khan, beliau menekankan kepentingan penglibatan aktif warga PDRM dalam membudayakan gaya hidup sihat serta mempereratkan ukhuwah antara warga pasukan dan masyarakat.

Beliau menegaskan komitmen PDRM untuk merealisasikan agenda HSN selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI iaitu membudayakan sukan, memupuk gaya hidup sihat, memperkukuh perpaduan masyarakat serta merangsang pertumbuhan ekonomi melalui industri sukan.

Tan Sri Ayob Khan turut menyertai acara senamrobik bersama lebih 1,000 warga Kontinjen Kedah dan orang awam, sebelum melepaskan peserta *Fun Ride* dan *Berbasikal 15km*, *Fun Run* 5km serta *Brisk Walk 3km*. Beliau juga mengambil bahagian dalam aktiviti santai seperti *Penalty Shoot Out*, *Netball Shoot Out* dan *Archery*.

HSN disambut serentak di seluruh negara setiap tahun pada minggu kedua bulan Oktober sebagai agenda nasional untuk membudayakan dan merakatkan sukan melalui amalan gaya hidup aktif, sihat dan cergas.





JSJK

TERAJUI NSRC KOMITED BANTERAS JENAYAH PENIPUAN DALAM TALIAN

Kuala Lumpur, 14 Oktober 2025 - Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) telah diberi mandat dan kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk menerajui National Scam Response Centre (NSRC) dalam usaha membanteras jenayah dalam talian yang semakin berleluasa. Perkara itu dinyatakan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail dalam ucapan beliau sempena Perhimpunan Bulanan Oktober 2025 yang dianjurkan oleh JSJK di Dataran Kompleks 3, Bukit Aman.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menegaskan bahawa jenayah penipuan dalam talian bukan sahaja memberi kesan besar kepada mangsa, malah turut menjejaskan pembangunan ekonomi, kesejahteraan masyarakat serta mengakis keyakinan orang ramai terhadap keupayaan dan kredibiliti pihak berkuasa.

Antara usaha yang diberi penekanan serius dari pihak kerajaan adalah dengan menyatukan kepakaran dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), National Financial Crime Centre, Bank Negara Malaysia, dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan pewujudan NSRC.

NSRC yang bertindak sebagai barisan hadapan dalam memerangi penipuan dalam talian telah beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu sejak 7 Julai 2025, untuk memberi bantuan segera kepada mangsa penipuan.

“Sejak penubuhannya pada 12 Oktober 2022 hingga 30 September 2025, NSRC menerima 266,380 panggilan, termasuk 159,873 panggilan yang dianggap ‘Genuine case’ iaitu yang memenuhi kriteria untuk tindakan lanjut dalam mengesan dan menyekat dana yang hilang, serta 115,504 panggilan ‘General case’, iaitu panggilan umum seperti pemberian nasihat pencegahan atau berkaitan kes lama,” ujarnya.

“Saya zahirkan ucapan penghargaan kepada barisan kepimpinan tertinggi dan warga JSJK atas usaha yang berterusan dalam memerangi jenayah komersil dan berharap agar JSJK terus memperkukuhkan sinergi dan kolaborasi unggul antara agensi, ahli akademik dan institusi kewangan dalam usaha memerangi jenayah komersial secara komprehensif dan berkesan,” tambahnya lagi.

Beliau juga menyeru seluruh warga PDRM agar terus mengekalkan kecemerlangan, menjunjung tinggi maruah Pasukan dan memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi keramat ini selain merakamkan ucapan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada warga PDRM dan seluruh rakyat Malaysia yang meraikannya. KPN juga menyeru agar bersama-sama memperkukuh semangat perpaduan dan sikap saling menghormati dalam kepelbagaian yang menjadi kekuatan negara ini.

Dalam perhimpunan tersebut turut diadakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada 20 warga PDRM sebagai simbolik pengiktirafan atas sumbangan serta komitmen cemerlang yang dipamerkan.





PDRM DAN KPM JALIN KERJASAMA STRATEGIK LUNCUR PROGRAM KEMPEN ANTI BULI

Kuala Lumpur, 14 Oktober 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Program Kampen Anti-Buli bertempat di World Trade Centre sebagai satu inisiatif mendekati masyarakat dalam usaha menangani isu buli yang semakin membimbangkan, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Majlis peluncuran Program Kampen Anti-Buli mengangkat tema [#BuliBukanBudayalaSatuJenayah](#) telah disempurnakan oleh Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Dr. Mohd Azam Ahmad. Kampen ini menegaskan usaha membanteras jenayah buli sebagai tanggungjawab bersama guru, pelajar, ibu bapa, dan PDRM untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang aman dan bebas kekerasan. Ia bertujuan meningkatkan kesedaran tentang bahaya buli serta memupuk nilai ihsan, hormat dan keyakinan demi kesejahteraan semua.

Berucap dalam majlis yang diadakan, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menyatakan sejak kebelakangan ini, kes buli dalam kalangan pelajar semakin meningkat sehingga turut menyebabkan kematian mangsa.

"Berdasarkan statistik PDRM sehingga 12 Oktober 2025, sejumlah 129 kes buli telah dilaporkan sejak Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2025 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2025 dikuatkuasakan. Pindaan ini dibuat bagi menangani buli secara lebih efektif dan menyeluruh," ujar beliau.

Beliau turut menekankan bahawa PDRM komited menyokong semua usaha kerajaan untuk mencegah dan membanteras kegiatan buli khususnya di sekolah-sekolah bagi memastikan institusi pendidikan di negara ini kekal selamat dan bebas daripada salah laku pelajar.

Program yang diadakan menampilkan pelbagai pengisian termasuk sesi *townhall*, ceramah kesedaran, pameran interaktif serta demonstrasi tindakan intervensi awal yang boleh diambil oleh pelajar, guru dan masyarakat sekeliling.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut menyeru semua pihak termasuk ibu bapa, pendidik dan pemimpin komuniti untuk memainkan peranan aktif dalam mengenal pasti, melaporkan dan menangani kes-kes buli secara berhemah dan berkesan.



PERKHIDMATAN KAUNSELING PENTING PERKASA PROFESIONALISME PDRM -TIMBALAN KPN

Kuala Lumpur, 15 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay merasmikan Majlis Penutupan Kolokium Kaunselor Polis Diraja Malaysia (PDRM) Tahun 2025 sempena Sambutan Bulan Kaunseling Peringkat PDRM yang diadakan di Dewan Teater, Bangunan Akademik, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Kolokium yang berlangsung selama dua hari telah menghimpunkan seramai 232 pegawai PDRM yang memiliki latar belakang akademik dalam bidang psikologi dan kaunseling.

Berucap dalam majlis perasmian penutup, Tan Sri Ayob Khan menegaskan bahawa dalam era kepolisan moden yang berdepan pelbagai cabaran serta ancaman keselamatan, perkhidmatan kaunseling memainkan peranan penting dalam memperkukuh daya tahan mental, memantapkan integriti dan meningkatkan profesionalisme warga PDRM.



Majlis turut menyaksikan gimik peluncuran Buku Modul Pembangunan Integriti (Pendekatan Psikologi) yang disempurnakan oleh Tan Sri Ayob Khan bersama Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), CP Dato' Hamzah Hj. Ahmad dengan diiringi oleh Timbalan Pengarah (Agama Kaunseling), JIPS Bukit Aman, DCP Datuk Azhan Abdul Halim. Modul terbitan Cawangan Psikologi Kaunseling ini selaras dengan Pelan Anti Rasuah Organisasi PDRM, syor Jawatankuasa Tatakelola dan usaha kerajaan membanteras rasuah sebagai musuh utama negara.

Turut berlangsung forum bertajuk "Darurat Senyap: Menguruskan Kesihatan Mental Sebelum Terlambat" yang menampilkan tiga ahli panel, iaitu Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA International), Dato' Dr. Abd Halim Mohd Hussin, Pengarah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, Kementerian Kesihatan, Dr. Nurashikin Ibrahim dan ASP Kaunseling Kerjaya/Keluarga, Bahagian Agama dan Kaunseling/Kaunselor PDRM, ASP Hafizah Raduan.



KOLABORASI STRATEGIK PDRM-UKM: 171 PEGAWAI KANAN GRADUASI PROGRAM KEPIMPINAN KALIS MASA DEPAN

Kuala Lumpur, 16 Oktober 2025 - Seramai 171 pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) diraikan dalam Majlis Graduasi Program Sijil Profesional Kepimpinan PDRM Kalis Masa Depan Sesi 2024-2025 yang berlangsung di Dewan Perdana Felda.

Majlis telah disempurnakan oleh Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid yang mewakili Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail, bersama-sama Pengarah Yayasan Canselor UKM menjalankan fungsi sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Profesor Ts. Dr. Faizal Mohamed.

Dalam ucapan Dato' Sri Abdul Aziz menzahirkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas komitmen dan kerjasama strategik yang terjalin sejak dimeterai pada 22 Ogos 2024, demi memperkasa kompetensi kepimpinan pegawai kanan PDRM.

Beliau menegaskan keperluan PDRM untuk diterajui pemimpin yang berkredibiliti, profesional dan berintegriti tinggi, khususnya dalam menghadapi perubahan landskap jenayah serta cabaran keselamatan negara masa kini.

Majlis turut diserikan dengan tayangan montaj khas yang mengetengahkan objektif program, diikuti penyampaian sijil kepada para graduan dalam tiga kategori utama iaitu Sijil Profesional Penilai Kompetensi Kepimpinan Tertinggi Dalam Kepolisian, Sijil Profesional Kepimpinan Strategik Kepolisian dan Sijil Profesional Kepimpinan Pengoperasian Kepolisian.

London, 16 Oktober 2025 - Dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menegaskan komitmen untuk terus memperkukuhkan kerjasama antara agensi (inter-agency) melalui Operasi Bersepadu Khazanah (OBK), dengan perkongsian kepakaran serta sinergi bersepadu bersama agensi sahabat di seluruh negara.

Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menyatakan perkara tersebut dalam Mesyuarat OBK Siri 18 Bilangan 2/2025 anjuran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang berlangsung di Roxy Beach Resort, Sematan.

Mesyuarat dipengerusikan secara bersama oleh beliau dan Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin serta Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, Dato' Abdul Kadir Abu Hashim.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menegaskan bahawa perlindungan biodiversiti negara tidak boleh bergantung kepada penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya memerlukan tindakan strategik rentas agensi serta penglibatan masyarakat.

Menurut beliau, ancaman terhadap khazanah negara kini tergolong sebagai jenayah terancang rentas sempadan yang menuntut koordinasi menyeluruh dan kesepaduan gerak kerja antara penguat kuasa, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak komuniti.

Dalam menghadapi cabaran era digital, beliau menyeru agar OBK mengadaptasi teknologi baharu termasuk digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI) bagi mendahului modus operandi penjenayah yang semakin kompleks. Menurutnya, penggunaan teknologi akan memperkukuh keberkesanan operasi dan keupayaan penguatkuasaan terhadap aktiviti penyeludupan yang semakin sofistikated.



Dalam ucapan penutup, beliau menyeru semua pihak untuk terus memperkasa OBK sebagai platform nasional yang mempertahankan warisan alam negara demi generasi akan datang. Tambahnya negara yang mampan hanya dapat dicapai melalui keseimbangan antara manusia dengan alam dan khazanah ini merupakan amanah yang perlu dijaga bersama.

Sejurus mesyuarat, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menyertai lawatan lapangan ke Jeti Sematan, Pantai Telok Melano, Taman Negara Labuan Gadung serta Program Konservasi Penyusut di Taman Negara Tanjung Datu sebagai simbol komitmen berterusan PDRM terhadap tanggungjawab lapangan dalam pemeliharaan alam sekitar.

BERANI BENAR, TEGUH INTEGRITI TIMBALAN KPN TEKANKAN NILAI INTEGRITI DAN AMANAH PEGAWAI AWAM

Putrajaya, 17 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menekankan kepentingan nilai integriti dan amanah yang merupakan asas utama dalam membentuk keperibadian pegawai awam yang berdisiplin serta berakhlak tinggi.

Perkara tersebut dinyatakan semasa menyampaikan syarahan bertemakan 'Berani Benar, Teguh Integriti' di hadapan lebih 300 orang warga kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang berlangsung di Auditorium Perdana, Kompleks Setia Perdana.

Tan Sri Ayob Khan turut mengingatkan bahawa kepercayaan rakyat kepada institusi pegawai awam merupakan tanggungjawab berat yang harus dilaksanakan dengan penuh keikhlasan dan rasa takut kepada Tuhan. Beliau menegaskan tidak akan pernah berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar etika perkhidmatan khususnya melibatkan salah laku integriti terutama jenayah rasuah.

Kehadiran Tan Sri Ayob Khan ke majlis tersebut adalah bagi memenuhi jemputan sebagai ikon integriti penjawat awam yang mempunyai latar belakang ketegasan, keberanian dan keutuhan integriti bersempena Minggu Psikologi, Integriti, Sukan dan Membaca Aktif 2025 (PRISMA) 2025 yang dianjurkan oleh Unit Integriti, JPM.



TIMBALAN KPN HADIR MAJLIS PENUTUP PROGRAM HARI KELUARGA JELAJAH WIRA MADANI PERINGKAT BRIGED TENGAH PGA

Semenyih, 18 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir merasmikan Majlis Penutup Program Hari Keluarga Jelajah Wira MADANI peringkat Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berlangsung meriah di Batalion 4.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Komander Briged Tengah PGA, SAC Hakemal Hawari. Program yang bermula seawal jam 7.00 pagi itu menyatukan warga Briged Tengah PGA dan ahli keluarga dalam suasana mesra serta penuh harmoni. Pelbagai aktiviti menarik seperti sukaneka, pertandingan mewarna dan cabutan bertuah dianjurkan bagi menyemarakkan lagi semangat kekeluargaan.

Berucap dalam majlis penutup, Tan Sri Ayob Khan menegaskan bahawa Program Jelajah Wira Madani merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi menghargai jasa wira negara termasuk polis, tentera, bomba dan agensi keselamatan lain, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan keseimbangan kerjaya, nilai kemanusiaan dan semangat kebersamaan warga Sang Saka Biru.

Beliau turut menegaskan bahawa program ini mendukung kerangka negara MADANI yang berasaskan kemampanan, kesejahteraan, hormat dan ihsan sekali gus mencerminkan ikatan perpaduan dalam keluarga besar Briged Tengah PGA Semenyih sebagai tunjang kekuatan dan keharmonian organisasi.

"Negara kini berdepan peningkatan kes jenayah dalam kalangan remaja akibat pengaruh media sosial dan tekanan hidup. Justeru, warga Sang Saka Biru diseru memperkukuh institusi keluarga dan komuniti agar generasi muda kekal berakhlak serta memperteguh kekuatan PDRM dalam memelihara keamanan negara," ujar beliau.



PMR 2025 PERINGKAT NEGERI MELAKA: TIMBALAN KPN MERIAHKAN MAJLIS PERASMIAN PENUTUP

Jasin, 19 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir memeriahkan Majlis Perasmian Penutupan Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Peringkat Negeri Melaka yang berlangsung di Politeknik Merlimau.

Ia disempurnakan dengan penuh simbolik dan semangat patriotik oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan turut dihidari oleh Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin serta Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab. Rauf Yusoh.

Bertemakan 'Aspirasi MADANI, Menjamin Pertahanan dan Kedaulatan Negara', program ini merupakan inisiatif Pejabat Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi dengan kerjasama strategik Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Negeri Melaka. Setelah berlangsung tiga hari, majlis tersebut secara rasmi melabuhkan tirai menandakan penutup siri jelajah PMR bagi tahun 2025.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut menyemarakkan PMR dengan penyertaan aktif melalui pembukaan reruai pameran khas dan tawaran diskaun saman trafik kepada orang ramai. Inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban kewangan rakyat, menggalakkan penyelesaian saman tertunggak serta memupuk kesedaran terhadap kepatuhan undang-undang jalan raya.

Terdahulu, Tan Sri Ayob yang diiringi Ketua Polis Melaka, DCP Dato' Dzulkhairi Mukhtar berkesempatan melawat reruai pameran PDRM serta menyantuni petugas dan pengunjung yang hadir.





DKPP 2025: KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KURNIA DARJAH KEPAHLAWANAN PASUKAN POLIS KEPADA 109 WARGA SANG SAKA BIRU

Kuala Lumpur, 22 Oktober 2025 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan Darjah Kehormatan Pasukan Polis (DKPP) Tahun 2025 kepada 109 penerima warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Balairung Seri, Istana Negara.

Mendahului senarai penerima dalam istiadat tersebut adalah Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid bersama Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi, CP Gilbert Philip Layang yang dikurniakan Darjah Kebesaran Pangkat Pertama Panglima Gagah Pasukan Polis (P.G.P.P.) disusuli Ketua Polis (KP) Pulau Pinang, CP Dato' Ts. Azizee Ismail dan KP Johor, CP Datuk Ab Rahaman Arsad.



Pada istiadat itu, Seri Paduka Baginda turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Pangkat Kedua Panglima Setia Pasukan Polis (P.S.P.P.) kepada lima penerima, diikuti Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga Pahlawan Pasukan Polis (P.P.P.) (16 penerima), Darjah Kebesaran Pangkat Keempat Kesatria Pasukan Polis (K.P.P.) (enam penerima) dan Darjah Kebesaran Pangkat Kelima Bentara Pasukan Polis (B.P.P.) seramai 78 penerima.

Majlis penuh istiadat itu turut dihadiri oleh Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Datin Sri Datuk Hj. Munirah Che Rose, Timbalan MDN, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Hj. Nasarah serta Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan isteri yang juga Naib Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Dato' Zalena Mohd Ariffin.

Pengurniaan DKPP ini merupakan manifestasi penghargaan tertinggi pihak Kerajaan terhadap jasa, keberanian dan pengorbanan warga PDRM yang terus komited menjaga keselamatan serta keamanan negara.



PDRM

TERIMA ANUGERAH PERAK DALAM AIGA 2025

Putrajaya, 22 Oktober 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus memperkukuh komitmen terhadap amalan integriti dan tadbir urus terbaik apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Perak (Sektor Awam) dalam Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2025 sempena Majlis Amanat Perdana Integriti (MAPIN) dan AIGA 2025 yang berlangsung di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

AIGA 2025 diberikan sebagai pengiktirafan kepada agensi kerajaan dan organisasi yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam memperkukuh nilai integriti, tadbir urus korporat serta langkah-langkah pencegahan rasuah yang berkesan dalam pelaksanaan dasar dan operasi masing-masing.

Dalam majlis tersebut, Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), CP Dato' Hamzah Hj. Ahmad yang hadir mewakili Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar merangkap Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM).

Penganugerahan ini mencerminkan usaha berterusan PDRM dalam memperkukuh budaya kerja berintegriti tinggi di setiap peringkat warga Pasukan, selaras dengan visi organisasi sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang beramanah, telus dan profesional.

Majlis berprestij anjuran IIM itu turut diserikan dengan Amanat Perdana Integriti Nasional oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian Anugerah Perdana Menteri bagi Sektor Awam dan Swasta.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Hj. Abdul Aziz, Timbalan Pengarah (Integriti) JIPS Bukit Aman, DCP Thaiful Bahri Mokhtar, ketua-ketua jabatan kerajaan, ACP Urus Setia JIPS, ACP Wong Ting Lee dan wakil badan berkanun serta pihak swasta.



KPN TINJAU KESIAPSIAGAAN PDRM SEMPENA SIDANG KEMUNCIAK ASEAN KE-47

Kuala Lumpur, 23 Oktober 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay turun padang meninjau tahap kesiapsiagaan petugas keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) sempena raptai persiapan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 yang berlangsung pada 26 Oktober 2025.

Tinjauan bertujuan menilai aspek keselamatan serta kelancaran pergerakan semasa persidangan, selain memastikan persiapan anggota dan pegawai yang terlibat berada pada tahap optimum.

Dalam tinjauan tersebut, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut menerima taklimat operasi keselamatan daripada Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Gerakan/Operasi) Bukit Aman, CP Dato' Fisol Salleh, yang diadakan di Bilik Gerakan KLCC.

Tinjauan hampir satu jam yang dilakukan itu meliputi kawasan sekitar KLCC termasuk laluan pergerakan utama yang akan digunakan oleh para delegasi dan tetamu kenamaan semasa persidangan berlangsung.





Kuala Lumpur, 24 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengadakan lawatan kerja ke Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM) bagi meninjau operasi pusat tersebut dalam memperkukuh usaha membanteras jenayah penipuan kewangan dalam talian.

Hadir sama mengiringi beliau ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Rusdi Mohd Isa. Dalam sesi tersebut, Tan Sri Ayob Khan telah diberi taklimat oleh Ketua Pegawai Perkhidmatan BNM, Encik Mohd Fuad Arshad mengenai peranan, struktur dan mekanisme penyelarasan aduan yang dilaksanakan oleh pusat berkenaan.

Taklimat juga menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama strategik antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), institusi kewangan dan agensi berkaitan bagi memastikan langkah pencegahan, risikan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh, tersusun serta berkesan.

NSRC kini secara rasmi diterajui oleh PDRM, satu langkah penting yang mengukuhkan peranan pasukan polis dalam meningkatkan koordinasi, keupayaan risikan dan tindak balas pantas demi melindungi keselamatan kewangan rakyat.

RAGBI PIALA AGONG 2025: PDRM PERTAHAN KEJUARAAN



Kuala Lumpur, 26 Oktober 2025 - Pasukan Ragbi Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus mengekalkan keunggulan apabila sekali lagi muncul juara dalam perlawanan akhir Kejohanan Ragbi Piala Agong 2025 yang berlangsung di Universiti Malaya (UM) Arena, UM.

Final kali ini merupakan pertembungan ulangan musim lalu yang menyaksikan PDRM menewaskan Johor 43-29 di Stadium Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Cubaan Johor untuk mengekang dominasi PDRM bagaimanapun tidak berhasil apabila pasukan "The Blues" terus mempamerkan corak permainan bertenaga sejak wisel pertama, menutup separuh masa pertama dengan kelebihan tipis 8-7.

Memasuki babak kedua, Pasukan PDRM terus menggandakan asakan bagi menjarakkan kutipan mata, sebelum menamatkan perlawanan dengan kemenangan tipis 18-17, sekali gus menobatkan Johor sebagai naib juara bagi edisi kali ini.

Penyampaian Piala Agong, medal dan replika cek kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Muda Terengganu merangkap Penaung Diraja Kesatuan Ragbi Malaysia, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Muhammad Ismail Ibni Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin. Baginda turut berkenan menganugerahkan Pemain Terbaik kejohanan kepada pemain PDRM, Muhammad Amirul Aqil Kamsol.

Terdahulu, perlawanan penentuan tempat ketiga menyaksikan Kelantan menewaskan Perlis dengan kutipan mata 50-39. Turut hadir, Ketua Staf Pasukan Khas Eastern Sabah Security Command merangkap Pengelola dan Pengurus Pasukan Ragbi PDRM, SAC Nasri Mansor, Timbalan Komandan (Latihan) Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur, ACP Muhammad Najib Hamzah, Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia, Encik Amir Amri Mohamad.

Seluruh warga PDRM merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada Pasukan Ragbi PDRM atas kejayaan mempertahankan kejuaraan selama tiga tahun berturut-turut. Kejayaan ini mencerminkan semangat juang, disiplin dan komitmen tinggi yang menjadi kebanggaan seluruh warga pasukan.

PROGRAM ASPIRASI INTEGRITI: TIMBALAN KPN TEKANKAN INTEGRITI MENJADI ACUAN UTAMA KEPIMPINAN

Putrajaya, 29 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menekankan bahawa sifat integriti yang tinggi perlu diamalkan dan diterapkan dalam setiap jiwa kepimpinan tertinggi penjawat awam, demi memastikan tiada sebarang ketirisan berlaku.

Beliau berkata demikian ketika tampil sebagai panel bersama-sama Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Tuan Ahmad Fawwaz Fadzil bersempena Sambutan Hari Terbuka Sumber Manusia, Integriti dan Persidangan Akrab Peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna KPKM.

Forum bertajuk “Aspirasi Integriti: *Mens Sana in Corpore Sano*” anjuran Unit Integriti, KPKM itu dikendalikan oleh Motivator Selebriti, Encik Ahmad Fadzli Abdul Aziz.

Dalam forum itu juga, Tan Sri Ayob Khan menegaskan bahawa nilai integriti perlu dibentuk, diasuh dan disemai secara berterusan melalui penerapan disiplin diri, amalan kepimpinan beretika serta pembudayaan organisasi yang berteraskan prinsip amanah dan tanggungjawab.



SATU SUARA, SATU UNITI PEMANGKIN KESATUAN WARGA PDRM DALAM PERSIDANGAN AGUNG TAHUNAN PPKP DAN PPRD 2025

Kuala Terengganu, 31 Oktober 2025 - “Satu Suara, Satu Uniti”, tema yang dipilih bagi Persidangan Agung Tahunan Persatuan Pegawai Kanan Polis (PPKP) dan Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja (PPRD) Tahun 2025, menjadi simbol penyatuan serta pemangkin kepada ketetapan penggulangan mesyuarat tahunan kali ini.

Persidangan yang berlangsung selama tiga hari di Raia Hotel and Convention Centre Terengganu itu melabuhkan tirainya dengan majlis penutupan yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Platform tahunan ini memberi ruang kepada para perwakilan dari kontinjen dan formasi seluruh negara untuk mengutarakan pelbagai isu berkaitan kebajikan, kesejahteraan serta keharmonian warga Polis Diraja Malaysia (PDRM), di samping pemilihan barisan kepimpinan baharu bagi kedua-dua persatuan untuk sesi 2025–2027.

Tan Sri Ayob Khan yang hadir mewakili Ketua Polis Negara, IG Dato’ Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail turut menyeru agar semua kepimpinan yang dipilih menunaikan amanah dengan penuh dedikasi, komitmen dan integriti.

“Laksanakanlah tugas dengan penuh dedikasi, komited dan berintegriti. Teruskan kecemerlangan legasi kepimpinan terdahulu dengan membawa angin perubahan, pandangan yang lebih segar serta pendekatan inovatif dalam memperkasakan lagi fungsi persatuan,” ujar beliau.

Majlis turut menyaksikan pelancaran logo baharu PPKP serta pengenalan moto rasmi “Satu Suara, Satu Uniti”, yang melambangkan semangat perpaduan, kesepakatan, solidariti dan kebersamaan dalam kalangan ahli-ahli persatuan.



TIMBALAN KPN MERIAHKAN PROGRAM SUA MESRA BERSAMA TIMBALAN MDN

Gerik, 2 November 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay memeriahkan Program Sua Mesra Bersama Timbalan Menteri Dalam Negeri (Timbalan MDN) yang berlangsung di Dataran Tasik Raban, Lenggong.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Ketua Polis Perak, CP Dato' Noor Hisam Nordin. Program anjuran Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang disempurnakan oleh Timbalan MDN, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Hj. Nasarah, bertujuan memperkukuh hubungan antara agensi-agensi di bawah kementerian dengan masyarakat setempat melalui penglibatan komuniti dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan interaktif.

Polis Diraja Malaysia turut memeriahkan program dengan pembukaan reruai pameran khas serta menawarkan diskaun saman trafik sebanyak 70 peratus kepada orang ramai. Inisiatif itu bagi menggalakkan penyelesaian saman tertunggak dan meningkatkan kesedaran awam terhadap kepatuhan undang-undang jalan raya.

Pelbagai aktiviti turut diadakan termasuk pameran interaktif Bas Bergerak AADK, pemeriksaan kesihatan, Jualan RAHMAH serta pelbagai aktiviti riadah seperti pertandingan sukan air, mewarna dan masakan tradisional.

KPN DAN PAT PENGGERUSI BERSAMA MESYUARAT JPGK KE-80, PERTEGUH SINERGI KESELAMATAN ANTARA AGENSI



Kuala Lumpur, 4 November 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral Tan Sri Hj. Mohd Nizam Hj. Jaffar mempengerusikan bersama Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan (JPGK) ke-80 yang diadakan di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Mesyuarat tersebut menjadi platform utama untuk memperteguh sinergi strategik antara agensi-agensi keselamatan bagi memastikan tahap kesiapsiagaan serta pertahanan negara kekal utuh dan berdaya tahan, selaras dengan Nilai Teras 1 dan 3 Dasar Keselamatan Negara 2021–2025 iaitu Keselamatan dan Keutuhan Wilayah serta Keselamatan Rakyat.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk penambahbaikan mekanisme gerak kerja agensi dan perangkaan strategi baharu dalam menangani pelbagai isu keselamatan negara, khususnya ancaman jenayah rentas sempadan.

Turut hadir, Panglima Tentera Udara, Jeneral Dato' Sri Hj. Muhamad Norazlan Aris TUDM, Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Datuk Raja Nurshirwan Zainal Abidin, Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Gerakan/Operasi) Bukit Aman, CP Dato' Fisol Salleh serta wakil-wakil daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi keselamatan persekutuan.



TIMBALAN KPN KETUAI DELEGASI PDRM KE PERSIDANGAN ASEANAPOL KE-43

Bangkok, 4 November 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengetuai delegasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menghadiri Persidangan Polis Negara ASEAN (ASEANAPOL) ke-43 yang berlangsung di Grand Hyatt Erawan Bangkok.

Thailand selaku tuan rumah selama lima hari bermula 3 hingga 7 November 2025 menghimpunkan ketua-ketua polis dan wakil agensi penguat kuasa undang-undang dari negara-negara ASEAN bagi memperkukuh rangkaian kerjasama keselamatan serantau.

Persidangan tersebut menjadi platform penting memperkukuh kerjasama strategik antara negara anggota dalam menangani cabaran keselamatan bersama termasuk jenayah rentas sempadan, penyeludupan dan ancaman keselamatan baharu di rantau ini.

Ia turut berperanan sebagai wadah diplomatik, malah mencerminkan semangat setiakawan dan perpaduan antara negara terlibat dalam memastikan keamanan serta kestabilan serantau terus terpelihara.



TILAWAH AL-QURAN PDRM PERINGKAT BUKIT AMAN: PERKUKUH JATI DIRI DAN INTEGRITI WARGA PASUKAN

Kuala Lumpur, 5 November 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus memperkukuh pembangunan rohani dan sahsiah warga pasukan menerusi penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Bukit Aman Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Masjid Bukit Aman.

Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail yang turut meluangkan masa bersama warga Pasukan dalam program berteraskan penghayatan al-Quran itu.

Ketibaan telah disambut oleh Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), CP Dato' Rusdi Mohd Isa dengan diiringi oleh Timbalan Pengarah (Agama dan Kaunseling), Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard (JIPS) Bukit Aman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, DCP Datuk Azhan Abdul Halim yang mewakili Pengarah JIPS, CP Dato' Hamzah Hj. Ahmad.

Seramai 22 peserta terdiri daripada 11 qari dan 11 qariah mewakili jabatan PDRM menyertai pertandingan anjuran JIPS dengan kerjasama Masjid Bukit Aman yang bertujuan memupuk kecintaan terhadap al-Quran serta memperkukuh sahsiah dan rohani warga PDRM.

Majlis turut diserikan dengan persembahan nasyid sebelum diteruskan dengan pengumuman keputusan pertandingan oleh jemaah hakim yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (Agama dan Kaunseling) JIPS Bukit Aman, SAC Mohd Zakarim Abdullah @ Zakaria.

Bagi kategori qari, Sarjan Mejar Razlee @ Roslee Asmat dari JIPS dinobatkan sebagai johan, diikuti naib johan, ASP Mohd Tarmizi Abdul Satar dari JSJK, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Koperal Detektif Mohd Faaizuun Abd Salam dari Jabatan Siasatan Jenayah.

Sementara itu, bagi kategori qariah, Inspektor Nurshamimi Ismail dari Cawangan Khas muncul sebagai johan, diikuti naib johan pula dimenangi oleh ASP Kamsiah Kasmuddin dari Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti serta tempat ketiga, ASP Siti Farah Halina Mohd Redzuan dari JIPS.

Para hadirin kemudiannya berpeluang menghayati bacaan al-Quran oleh johan qari dan qariah yang memperdengarkan alunan ayat suci dengan penuh tertib, penghayatan serta keindahan seni tarannum.

Dalam majlis tersebut, KPN turut menyampaikan hadiah dan cenderahati kepada para pemenang yang masing-masing membawa pulang wang tunai RM1,000 bagi johan, RM750 bagi naib johan dan RM500 bagi tempat ketiga, berserta hadiah iringan, mashaf al-Quran serta sijil penyertaan.

Majlis yang penuh keberkatan ini menjadi manifestasi usaha berterusan PDRM dalam membentuk warga kerja berakhlak mulia, berdisiplin dan beramanah, seiring dengan nilai Islam sebagai asas kekuatan rohani Pasukan.





KPN IRINGI MDN DI PROGRAM JELAJAH WIRA MADANI 2025 PERINGKAT IPD PUTRAJAYA

Putrajaya, 6 November 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail mengiringi Menteri Dalam Negeri (MDN) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail di Program Jelajah Wira MADANI 2025 Peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya yang berlangsung di Padang Kawad IPD Putrajaya.

Program bertujuan mempererat hubungan dengan wira barisan hadapan serta menzahirkan penghargaan kepada warga IPD Putrajaya atas sumbangan mereka dalam memastikan keselamatan di Pusat Pentadbiran Kerajaan MADANI.

Majlis yang disempurnakan oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail itu turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan menarik termasuk persembahan silat daripada Kelab Pembangunan Silat Kuala Lumpur, tarian tradisional oleh Tabika Perpaduan, juga pertunjukan seni mempertahankan diri T-Baton oleh warga IPD sendiri.



Turut berlangsung ialah penyampaian bantuan khas persekolahan dan cenderahati kepada 20 penerima terpilih daripada keseluruhan 592 penerima bantuan prasekolah Kerajaan MADANI. Para penerima terdiri daripada anak-anak warga IPD Putrajaya berumur antara 7 hingga 17 tahun.

Turut sama menjayakan program, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Pengarah Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard, CP Dato' Hamzah Hj. Ahmad, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Datuk M. Kumar S. Muthuvelu, Ketua Polis Kuala Lumpur, CP Dato' Fadil Hj. Marsus, Ketua Polis Daerah Putrajaya, ACP Aidi Sham Mohamed, Ketua Komunikasi Korporat Polis Diraja Malaysia, ACP Julina Salehuddin, ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri serta rakan media.

PDRM

TEROKAI POTENSI AI BAGI TRANSFORMASI DIGITAL PASUKAN



Cheras, 7 November 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus melangkah ke hadapan dalam meneroka potensi teknologi Kecerdasan Buatan (AI) sebagai pemangkin utama transformasi digital Pasukan, bagi memperkukuh keupayaan menangani ancaman jenayah serta memastikan keselamatan masyarakat dan negara sentiasa terjamin.

Inisiatif itu dizahirkan melalui penganjuran Seminar AI Pengurusan Tertinggi PDRM yang berlangsung di Dewan Ketua Polis Negara (KPN), Maktab PDRM Kuala Lumpur, dengan penyertaan seramai 52 pegawai kanan pengurusan tertinggi di peringkat Bukit Aman, kontinjen, bridged dan formasi.

Seminar berkenaan turut mendapat kerjasama strategik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui penglibatan tenaga pakar dalam bidang AI, sekali gus memperkukuh sinergi antara institusi akademik dan pasukan keselamatan bagi memperluas pengetahuan serta kemahiran digital dalam kalangan kepimpinan Pasukan.

Dalam ucapan perasmian, KPN, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menegaskan bahawa penganjuran seminar tersebut bukan sekadar wadah perkongsian ilmu, malah merupakan inisiatif strategik untuk memperkukuh hala tuju PDRM dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 dan kemunculan teknologi Generatif AI.

"Sejajar dengan aspirasi Fokus Utama KPN ke arah kepolisan yang dipacu oleh teknologi dan AI, seminar itu turut mendukung aspirasi Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang menekankan konsep 'AI for KDN, KDN for AI'," ujar beliau.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut menegaskan bahawa PDRM kini berada dalam fasa penting di mana kecekapan dan ketepatan keputusan amat bergantung kepada data, automasi dan AI.

"Dalam konteks PDRM, AI bukan sekadar alat teknologi semata-mata, tetapi satu keberdayaan strategik yang meliputi analisis data jenayah, ramalan pola jenayah, pengurusan sumber manusia serta latihan pintar berasaskan e-pembelajaran.

"Teknologi ini dapat mempercepatkan respons terhadap jenayah dan meningkatkan keselamatan serta kesejahteraan masyarakat secara berterusan," tambah beliau.

Katanya lagi, penglibatan tenaga pakar UTM membuktikan sinergi erat antara dunia akademik dan pasukan keselamatan dalam memperluas pengetahuan serta membentuk pemikiran digital yang progresif dalam kepimpinan PDRM.

Seminar sehari itu menampilkan tiga sesi utama, iaitu *AI for Public Goods: Opportunities and Boundaries* daripada Dekan Fakulti Kecerdasan Buatan UTM, Profesor Ts. Dr. Mohd Naz'ri Mahrin, seterusnya perkongsian ilmu oleh Penyelaras Akademik Kejuruteraan Elektrik UTM, Profesor Dr. Hazlina Selamat iaitu *Responsible AI Governance and Ethics* dan *AI Risk Management (Hands-on)* yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan) UTM, Profesor Madya Dr. Roslina Ibrahim.



DATO' SRI HJ. MOHD KHALID

DIKURNIA DARJAH KEBESARAN

SERI PANGLIMA TAMING SARI

Kuala Kangsar, 9 November 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail pagi tadi dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Panglima Taming Sari (S.P.T.S.) yang membawa gelaran 'Dato' Seri Panglima' di Balairung Seri, Istana Iskandariah.

Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Perak itu diadakan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-69 Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Magfur-Lah.

Berangkat sama ke istiadat ialah DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Pengurniaan darjah kebesaran S.P.T.S. yang membawa gelaran 'Dato' Seri Panglima' ini adalah kepada Pasukan Tentera yang berpangkat Leftenan Jeneral ke atas manakala kepada Pasukan Polis pula yang berpangkat Timbalan KPN ke atas.


Istiadat sama, turut menyaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar telah mengetuai senarai penerima dengan pengurniaan Darjah Dato' Seri Paduka Cura Si Manja Kini (S.P.C.M.) yang membawa gelaran 'Dato' Seri'.

Turut menerima darjah kebesaran S.P.T.S. bersama-sama Dato' Seri Panglima Hj. Mohd Khalid ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hj. Mohd Nizam Hj. Jaafar.

Manakala, Ketua Penolong Pengarah E4, Cawangan Khas Bukit Aman, DCP Hishammudin Mohd Amin pula adalah antara enam penerima yang dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Pahlawan Taming Sari (D.P.T.S.) yang membawa gelaran 'Dato' Pahlawan'. Dalam istiadat yang berlangsung, DYMM Seri Paduka Tuanku turut berkenan mengurniakan kepada 20 penerima darjah kebesaran pada sesi pertama iaitu dua penerima bagi Darjah Dato' Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.), seorang untuk Darjah Dato' Paduka Cura Si Manja Kini (D.P.C.M.) dan 17 penerima Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.). Sesi kedua pula dijadualkan akan berlangsung pada 15 November depan.

Hadir sama, Ahli Kerabat Diraja Perak, Menteri Besar Perak Dato' Seri Saarani Mohamad bersama isteri Datin Seri Aezer Zubin, Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Datin Sri Datuk Hj. Munirah Che Rose, Ketua Polis Perak, CP Dato' Noor Hisham Nordin bersama isteri merangkap Pengerusi PERKEP Kontinjen Perak, Datin Noormawati Abdul Latip.





PDRM

PERKUKUH INTEGRITI, TATAKELOLA DAN USAHA BANTERAS RASUAH

Kuala Lumpur, 12 November 2025 - Warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) diseru memperkukuh integriti, tatakelola dan usaha pembanteras rasuah bagi melindungi imej pasukan daripada pengaruh negatif yang boleh mencemarkan nama baik PDRM.

Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail berkata, PDRM perlu terus memperkukuh mekanisme pencegahan, pengawasan pematuhan dan pembudayaan nilai integriti di setiap lapisan organisasi.

Bertemakan "Integriti Teras Kesejahteraan Negara" ia merupakan manifestasi komitmen PDRM membudayakan nilai-nilai murni dan integriti sebagai asas kepada kepercayaan, kesejahteraan serta kemakmuran negara, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

"Sebagai sebuah agensi penguat kuasa undang-undang utama negara, menjadi tanggungjawab kita memastikan integriti kekal sebagai teras utama dalam setiap tindakan dan keputusan," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pengiktirafan Tolak Rasuah dan Anugerah Integriti sempena Sambutan Bulan Integriti PDRM Tahun 2025, anjuran Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab PDRM.

Menurut Dato' Sri Hj. Mohd Khalid dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, PDRM akan terus menjadi organisasi profesional dan dihormati dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat.

Langkah tersebut penting bagi memastikan PDRM kekal sebagai agensi penguat kuasa yang disegani, berakuntabiliti tinggi serta bebas daripada sebarang bentuk salah laku dan pelanggaran etika perkhidmatan.

Terdahulu, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid bersama para hadirin mengikuti sesi perkongsian ilmiah bertajuk "Pembanteras Amalan Rasuah Berteraskan Tatakelola Baik dan Pembudayaan Integriti" yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dato' Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim.

Sebagai menghargai warga Pasukan yang telah menjunjung tinggi nilai integriti serta berkhidmat dengan penuh ikhlas dan jujur, seramai lapan individu yang terdiri daripada pegawai kanan polis, pegawai rendah polis dan pegawai awam telah dinobatkan sebagai Juara Anugerah Integriti.

Sementara itu, seramai 41 anggota terdiri daripada lima Pegawai Kanan Polis dan 36 Pegawai Rendah Polis turut menerima Sijil Pengiktirafan Tolak Rasuah. Pengiktirafan ini bukan sahaja menjadi penyuntik semangat kepada para penerima, malah sumber inspirasi kepada seluruh warga PDRM untuk terus meletakkan integriti sebagai teras dalam setiap tindakan dan keputusan.



TIMBALAN KPN

HADIR MAJLIS PENUTUP SIMPOSIUM AI TRANSFORMASI KESELAMATAN 2025

Putrajaya, 12 November 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Majlis Penutupan Simposium Kecerdasan Buatan (AI) Transformasi Keselamatan 2025 yang berlangsung di Hotel Marriott.

Simposium bertemakan “AI Memacu Transformasi Keamanan dan Keselamatan” itu merupakan anjuran Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan majlis penutupan telah disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Program yang menghimpunkan lebih 1,000 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk kementerian, agensi penguatkuasaan, institusi pengajian tinggi serta pemain industri itu menjadi pelantar strategik bagi membincangkan potensi, cabaran dan hala tuju pembangunan teknologi AI dalam ekosistem keselamatan negara.

Simposium tersebut turut mengetengahkan empat kluster utama perbincangan merangkumi pengesanan dan risiko keselamatan, pengurusan sempadan pintar, transformasi digital serta peranan AI dalam penyampaian perkhidmatan awam. Turut diadakan ialah pameran teknologi oleh pemain industri dan pembentangan oleh pakar tempatan bagi menyokong usaha membina ekosistem AI yang matang, berdaya tahan dan selamat.



PDRM SPECIAL DIALOGUE IV 2025: PDRM PERKASA INISIATIF “TOWARDS ZERO FATALITIES” DEMI JALAN RAYA LEBIH SELAMAT

Selangor, 13 November 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) dengan kerjasama Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) dan Alpine Integrated Solution Sdn. Bhd. (AIS) telah menganjurkan PDRM Special Dialogue IV 2025 yang berlangsung di Hotel Sama-sama, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Program tersebut merupakan kesinambungan daripada pengajuran PDRM Special Dialogue III 2025 yang diadakan pada Ogos 2025 oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil.

Edisi kali ini menghimpunkan pemimpin, pembuat dasar serta agensi penguatkuasaan bagi membincangkan usaha mewujudkan sistem jalan raya yang lebih pintar, selamat dan mampan di Malaysia.

Dalam ucapan pembukaan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato’ Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menekankan mengenai komitmen PDRM untuk menjadi organisasi dinamik dan responsif melalui kerjasama, pemerkasaan dasar serta penggunaan kepakaran, inovasi dan teknologi dalam bidang keselamatan serta penguatkuasaan.

Majlis diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang menekankan mengenai penglibatan secara aktif semua pihak dalam penerapan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan pelbagai inisiatif, terutamanya dalam bidang keselamatan dan penguatkuasaan.

Terdahulu telah berlangsung sesi dialog bertajuk “Towards Zero Fatalities: Malaysia’s Road Safety and Traffic Enforcement Initiative” yang menampilkan tiga panel jemputan iaitu Profesor

Dr. Kulanthayan KC. Mani dari Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr. Fadzilah Abd Rahman dari Sekolah Pendidikan Universiti Sunway dan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infrastruktur), Jabatan Kerja Raya Malaysia, Ir. Mohd Shahrom Ahmad Saman. Sesi tersebut dikendalikan oleh Pengarah Wilayah Hal Ehwal Korporat Carsome, Encik Leeroy Ting Kah Sing selaku moderator.

Sebelum majlis menutup tirai, sesi perbincangan bertajuk “Traffic Data, AI and Smart Mobility: Strengthening Regional Cooperation in Asia Towards Malaysia Planning” menampilkan tiga panel daripada pelbagai latar belakang yang terdiri daripada Timbalan Pendakwa Raya Putrajaya, Puan Nor Azizah Aling, Dekan Fakulti Kecerdasan Buatan, Universiti Teknologi MARA, Profesor Ts. Dr. Mohd Naz’ri Mahri dan Ketua Pegawai Eksekutif TERAS Teknologi, Encik Anwar Ishak. Manakala Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Dr. Siti Zaharah Ishak selaku moderator.



INTEGRITI TERAS KEUTUHAN PDRM, JIPS TERUS DIPERKASA – KPN

Kuala Lumpur, 19 November 2025 - Integriti diangkat sebagai fokus utama dalam memartabatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai organisasi penguatkuasaan yang berwibawa dan profesional, seiring tuntutan masyarakat terhadap perkhidmatan kepolisan yang telus, beretika serta bebas salah laku.

Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menegaskan bahawa Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard (JIPS) kekal menjadi nadi penggerak dalam memperkukuh budaya pemuatan Pasukan serta memastikan warga Sang Saka Biru sentiasa berada pada landasan yang betul.

"Sejak penubuhannya pada 25 Julai 2014, JIPS telah memainkan peranan penting dalam memastikan PDRM kekal sebagai organisasi penguatkuasaan yang berintegriti, berwibawa dan beretika. Justeru, saya mengangkat integriti sebagai Fokus Utama KPN dalam usaha memartabatkan Pasukan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan KPN bagi bulan November 2025 anjuran JIPS di pekarangan Kompleks 3, Ibu Pejabat Polis PDRM Bukit Aman.

Tambah beliau, PDRM kini sedang membangunkan Strategi Pembantaranan Rasuah PDRM yang berpandukan Strategi Pembantaranan Rasuah Nasional bagi memperkukuh integriti, tatakelola dan usaha memerangi rasuah dalam Pasukan.

"Inisiatif ini adalah indikator terbaik dalam mengekang sebarang bentuk salah laku serta pelanggaran etika perkhidmatan. Namun ia bukan hanya tanggungjawab JIPS, sebaliknya memerlukan kerjasama semua peringkat kepimpinan," ujarnya.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut menekankan keperluan pemantauan kesejahteraan mental warga PDRM, khususnya berkaitan tekanan kerja, perubahan emosi dan gejala kemurungan.

"Tindakan intervensi awal melalui kaunseling, empati dan bimbingan perlu diberikan agar mereka yang terkesan mendapat sokongan sewajarnya," tambah beliau lagi.



Seusai majlis, seramai 20 warga kerja Bukit Aman telah menerima Surat Penghargaan KPN sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan mutu perkhidmatan mereka. Penyampaian sijil tersebut berlangsung dalam satu sesi ringkas di Tingkat 31, Menara 1.

Hadir sama ialah Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Pengarah JIPS selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, CP Datuk Hj. Hamzah Hj. Ahmad, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah PDRM.



KENAIKAN PANGKAT SIMBOL PENGHARGAAN PDRM PEMANGKIN KE ARAH KECEMERLANGAN



Kuala Lumpur, 20 November 2025 - Kenaikan pangkat merupakan simbolik pengiktirafan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap dedikasi dan perkhidmatan cemerlang warganya serta menjadi pemangkin semangat ke arah kecemerlangan yang berterusan pada masa akan datang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail dalam Majlis Pemakaian Lencana Pangkat bagi Pegawai Kanan Polis (Pegawai Diwartakan) yang berlangsung di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman.

Majlis melibatkan 62 pegawai kanan PDRM yang terdiri daripada satu Komisioner Polis (CP), enam Deputy Komisioner Polis (DCP), 14 Senior Asisten Komisioner (SAC), 14 Asisten Komisioner Polis (ACP) dan 27 Superintenden Polis selaras dengan Arahan Pertukaran Pegawai Kanan Polis yang diumumkan baru-baru ini.

Mendahului senarai ialah Timbalan Pengarah Cawangan Khas II Bukit Aman, CP Dato' Mohammad Shaharul Md Osman, Ketua Penolong Pengarah E2, Cawangan Khas Bukit Aman, DCP Datuk Fazlisyam Abd Majid, Timbalan Ketua Polis Kontinjen Kuala Lumpur, DCP Dato' Mohd Azani Omar, Ketua Penolong Pengarah E4, Cawangan Khas Bukit Aman, DCP Dato' Pahlawan Hishammudin Mohd Amin dan SAC Dasar Strategik Urus Setia KPN (Penyelidikan dan Pembangunan) Bukit Aman, DCP Abdul Rahman Kassim.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid dalam ucapannya menzahirkan penghargaan dan tahniah kepada semua pegawai yang dinaikkan pangkat serta menegaskan bahawa kewajipan untuk melaksanakan setiap amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya.

Beliau juga menyeru kepada seluruh warga Pasukan untuk terus memperkukuh budaya kerja berprestasi tinggi, mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap aspek penugasan.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Pengarah Pengurusan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah PDRM, Ketua Polis Selangor, CP Dato' Pahlawan Shazeli Dato' Kahar, Setiausaha Polis Malaysia, DCP Dato' Kamaruzaman Abdullah serta wakil media.





DKPP 2025:

KEBERANIAN DAN DEDIKASI WARGA SANG SAKA BIRU TERUS DIHARGAI

Putrajaya, 22 November 2025 - Putrajaya International Convention Centre menjadi pentas penuh penghormatan apabila para pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari seluruh negara diraikan dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kehpahlawanan Pasukan Polis (DKPP) Tahun 2025 yang berlangsung dengan penuh adat kepolisan.

Majlis tersebut merupakan kesinambungan sesi pertama DKPP yang berlangsung pada 22 Oktober lalu yang menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan darjah kepahlawanan kepada barisan pegawai kanan PDRM di Istana Negara.

Seramai 208 warga PDRM telah menerima pengiktirafan atas kepimpinan cemerlang, keberanian serta pengorbanan mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ia juga simbol penghargaan daripada Kerajaan kepada warga Sang Saka Biru yang sentiasa menunjukkan tahap profesionalisme dengan keberanian luar biasa, integriti tinggi serta komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memastikan keamanan negara kekal terjamin.

Istiadat penganugerahan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Mendahului senarai penerima ialah Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, CP Dato' Hussein Omar Khan dan Ketua Polis Kelantan, CP Dato' Hj. Mohd Yusoff Mamat yang dikurniakan Darjah Kebesaran Pangkat Pertama Panglima Gagah Pasukan Polis (P.G.P.P.).

Istiadat turut menyaksikan penganugerahan Darjah Kebesaran Pangkat Kedua Panglima Setia Pasukan Polis (P.S.P.P.) kepada 32 penerima, Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga Pahlawan Pasukan Polis (P.P.P.) (100 penerima), Darjah Kebesaran Pangkat Keempat Kesatria Pasukan Polis (K.P.P.) (46 penerima) dan Darjah Kebesaran Pangkat Kelima Bentara Pasukan Polis (B.P.P.) (27 penerima).

Hadir sama, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Dr. Awang Alik Jeman, Timbalan KSU (Keselamatan) KDN, Dato' Hj. Abdul Halim Abdul Rahman, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah PDRM bersama pasangan masing-masing.



TIMBALAN KPN

SERIKAN MAJLIS

APRESIASI LZNK BERSAMA

KDYMM TUANKU SULTAN KEDAH

Kuala Lumpur, 24 November 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir menyerikan Majlis Apresiasi Rakan Strategik Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Bersama Tuanku Sultan Kedah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah di Dewan Tun Hussein Onn, World Trade Centre.

Turut bercemer duli hadir ke majlis tersebut ialah Tunku Mahkota Kedah, Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tunku Shazuddin Ariff Ibni Sultan Sallehuddin yang disambut oleh Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Hj. Muhammad Sanusi Md Nor.

Majlis tahunan tersebut merupakan inisiatif LZNK bagi menghargai serta mengiktiraf individu dan kumpulan rakan strategik mereka yang komited dalam menyempurnakan ibadah zakat secara berterusan sekali gus membantu memperkukuhkan ekonomi dan mengangkat martabat asnaf di negeri Kedah.



KPN

SERTA PERHIMPUNAN AGUNG

INTERPOL KE-93, TUMPU ISU

JENAYAH TERANCANG DAN

SIBER

Marrakesh, 25 November 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama delegasi Malaysia menyertai Perhimpunan Agung International Criminal Police Organization (INTERPOL) ke-93 yang berlangsung penuh berprestij.

Kehadiran beliau turut disertai Duta Besar Malaysia ke Maghribi, Tuan Yang Terutama Dato' Shahabudeen Adam Shah bagi mengikuti beberapa sesi utama persidangan.

Persidangan tahunan itu menghimpunkan lebih 800 delegasi, termasuk 82 Ketua Polis serta barisan Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri daripada 196 negara anggota. Acara rasmi tersebut berlangsung dari 24 hingga 27 November ini.

Tumpuan utama kali ini menjurus kepada isu jenayah terancang dan penipuan rentas sempadan, keupayaan polisi global, imuniti INTERPOL, peranan wanita dalam kepolisan antarabangsa, keputusan projek rintis "Silver Notice" serta perbincangan mengenai ratifikasi Konvensyen PBB Menentang Jenayah Siber.

Terdahulu, Presiden INTERPOL, Major General Dr. Ahmed Naser Al-Raisi dalam ucap tamsil menegaskan kepentingan memperkukuh jaringan kerjasama antara kepimpinan tertinggi kepolisan dunia demi meningkatkan keselamatan sejagat.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut mengadakan pertemuan bersama rakan sejawat dari Australia, China, Hong Kong, Tunisia dan Turkiye, di samping ketua delegasi dari Qatar, Mesir, Indonesia, India, Macedonia serta beberapa negara lain bagi mengukuhkan kerjasama antara PDRM dengan rakan antarabangsa.

Sebagai simbol hubungan erat, beliau turut menyampaikan cenderahati kepada Dr. Ahmed Naser sebagai tanda penghargaan dan sokongan Malaysia terhadap misi organisasi berkenaan.





TIMBALAN KPN TINJAU KESIAPSIAGAAN PENUGASAN PRU DUN SABAH KE-17

Kota Kinabalu, 25 November 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Kontinjen Sabah dengan mengunjungi Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah.

Lawatan bertujuan meninjau tahap kesiapsiagaan penugasan Polis Diraja Malaysia sempena Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan (DUN) Sabah ke-17 serta memastikan koordinasi keselamatan di seluruh kawasan terlibat berada pada tahap optimum.

Tan Sri Ayob Khan turut mengadakan pertemuan bersama Pesuruhjaya Polis Sabah (PJP), CP Datuk Jauteh Dikun di pejabatnya di samping mendengar taklimat penugasan hari mengundi dan pasca PRU DU Sabah ke-17 yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam IPK Sabah, SAC Datuk Abdul Fuad Abdul Malek serta taklimat keselamatan yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Khas IPK Sabah, SAC Datuk Abdul Rahman Ishak.

Taklimat yang disampaikan memfokuskan kepada aspek risikan, potensi ancaman keselamatan dan langkah-langkah pencegahan yang diatur bagi memastikan proses PRU DU Sabah berlangsung dalam keadaan aman, lancar serta teratur.

Selain itu, Tan Sri Ayob Khan turut meninjau beberapa lokasi strategik termasuk pusat penjumlahan undi dan kawasan berkaitan penugasan keselamatan di sekitar Kota Kinabalu.

Beliau tidak ketinggalan meluangkan masa menyantuni dan beramah mesra dengan warga Sang Saka Biru yang terlibat dalam penugasan PRU DUN Sabah ke-17.

Turut hadir, Timbalan PJP Sabah DCP Datuk Abdul Rani Alias bersama barisan ketua jabatan kontinjen Sabah.



KPN PERKUKUH HUBUNGAN KERJASAMA ANTARABANGSA DI PERHIMPUNAN AGUNG INTERPOL KE-93

Marrakesh, 26 November 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail meneruskan komitmen beliau pada hari kedua Perhimpunan Agung INTERPOL ke-93.

Perhimpunan kali ini memberi tumpuan kepada pengukuhan kerjasama antarabangsa, khususnya dalam perkongsian perisikan, jenayah terancang, jenayah rentas sempadan dan jenayah siber.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut mengadakan pertemuan dengan pasukan polis dari Korea Selatan, Habsyah, Maldives, Australia, Brunei, Singapura dan Yaman bagi memperkukuh hubungan strategik serta jaringan kerjasama Polis Diraja Malaysia dengan pasukan polis antarabangsa.

Dalam satu sesi media berasingan, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut ditemu bual oleh stesen radio tempatan, Morocco National Radio. Dalam wawancara tersebut, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Maghribi atas penganjuran program yang cemerlang dan menegaskan bahawa perhimpunan ini adalah platform terbaik bagi negara-negara ahli untuk mengukuhkan kerjasama dalam usaha mencegah dan menangani jenayah rentas sempadan.

Hadir sama Timbalan Pengarah (Forensik/Perancangan Strategik) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, DCP Datuk Dennis Lim Kwang Keng, Ketua Penolong Pengarah (Siasatan Jenayah Pemalsuan/Pelaburan Bersindiket) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, SAC Marvin Tan Seng Kian dan ACP Perhubungan Antarabangsa, Urusetia KPN Bukit Aman, ACP Loh Pey Pey.

Penampang, 27 November 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay meneruskan siri lawatan kerja hari keduanya di Sabah bagi meninjau tahap kesiapsiagaan penugasan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan (DUN) Sabah ke-17 di dua pusat penjumlahan undi.

Ketibaan Tan Sri Ayob Khan disambut oleh Pesuruhjaya Polis (PJP) Sabah, CP Datuk Jauteh Dikun sebelum beliau diiringi ke dua lokasi berkenaan, iaitu Dewan Kebudayaan Penampang dan Dewan Sri Putatan. Taklimat penugasan disampaikan oleh Ketua Polis Daerah (KPD) Penampang, Superintenden Sammy Newton.

Selesai sesi di Penampang, Tan Sri Ayob Khan bersama Timbalan PJP Sabah, DCP Datuk Abdul Rani Alias meneruskan rangka kerja ke Tawau bagi meninjau pusat penjumlahan undi di Dewan Masyarakat Tawau dan Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yuk Chin. Beliau turut diberi taklimat penugasan bagi kedua-dua lokasi oleh KPD Tawau, ACP Jasmin Hussin.

Lawatan semalam turut merangkumi tinjauan menyeluruh di semua tapak pusat penjumlahan undi bagi memastikan persiapan logistik serta langkah-langkah keselamatan berada pada tahap optimum menjelang hari pengundian.

Sebanyak 55 Pusat Daerah Mengundi (PDM) dibuka di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Penampang, manakala 49 PDM disediakan di bawah pentadbiran IPD Tawau bagi memastikan proses pengundian di Sabah dapat dijalankan dengan selamat, lancar dan teratur.

**TIMBALAN KPN
TERUSKAN TINJAUAN
KESIAPSIAGAAN PRU DU
SABAH KE-17 PADA
HARI KEDUA**





DCP ABDUL RAHMAN DILANTIK SEBAGAI SUPM YANG BAHARU



Kuala Lumpur, 28 November 2025 - SAC Dasar Strategik Urus Setia Ketua Polis Negara (KPN) (Penyelidikan dan Pembangunan), DCP Abdul Rahman Kassim dilantik sebagai Setiausaha Polis Malaysia (SUPM) yang baharu menggantikan DCP Dato' Kamaruzaman Abdullah yang bersara wajib pada 30 November 2025.

Majlis Serah Terima Tugas Jawatan SUPM berlangsung di Bilik Mesyuarat KPN dan disaksikan oleh KPN, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail.

Turut hadir ialah Timbalan KPN, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay bersama Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid dan Ketua-ketua Urus Setia KPN Bukit Aman.

Dalam majlis yang diadakan, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Kamaruzaman atas khidmat bakti dan komitmen beliau sepanjang 39 tahun berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Saya dan bagi pihak kepimpinan tertinggi PDRM menghargai kerja keras dan kesungguhan Dato' dalam mengurus hal ehwal pentadbiran di Urus Setia KPN," ujar beliau.

Dato' Kamaruzaman sebelum ini memulakan tugas sebagai SUPM pada 2 Ogos 2024 menggantikan DCP Datuk Alzaafry Ahmad dilantik sebagai Komandan Pulapol Kuala Lumpur.

Dalam ucapan beliau, Dato' Kamaruzaman merakamkan penghargaan kepada seluruh warga PDRM khususnya Urus Setia KPN yang sentiasa melaksanakan amanah dengan integriti, dedikasi dan profesionalisme.

Bagi pihak warga PDRM, ucapan terima kasih dihulurkan kepada Dato' Kamaruzaman atas jasa dan sumbangan beliau sepanjang perkhidmatan dan selamat bertugas kepada SUPM yang baharu, DCP Abdul Rahman Kassim.





KPN

ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS DGNS MAGHRIBI DI PERHIMPUNAN AGUNG INTERPOL KE-93

Marrakesh, 27 November 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail telah menamatkan lawatan kerja rasminya selama tiga hari di Perhimpunan Agung International Criminal Police Organization (INTERPOL) ke-93 dengan mengadakan kunjungan hormat ke atas Director General of National Security (DGNS) Maghribi, Mr. Abdellatif Hammouchi di pejabatnya.



KPN

TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH EKSEKUTIF SEKRETARIAT ASEANAPOL

Kuala Lumpur, 3 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Eksekutif Sekretariat ASEANAPOL, Police Colonel David Martinez Vinluan bersama delegasi di Bilik Tetamu KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.



KPN

TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENERUSI LPJ

Kuala Lumpur, 3 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menerima kunjungan hormat daripada delegasi Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ), Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh pengerusinya, Tuan Nik Ahmad Marzuki Nik Mohamad di Bilik Tetamu KPN dekat Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.



KPN

TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR THAILAND

Kuala Lumpur, 17 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Thailand ke Malaysia, H.E. Ms. Lada Phumas, bersama delegasi di Bilik Tetamu KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.



KPN

TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PRESIDEN MAPA

Kuala Lumpur, 17 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail hari ini berbesar hati menerima kunjungan hormat Presiden Persatuan Polis Bantuan Malaysia (MAPA) di Bilik Tetamu KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.



**TIMBALAN KPN
TERIMA KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KP
ATOM MALAYSIA**

Kuala Lumpur, 1 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menerima kunjungan hormat daripada delegasi Jabatan Tenaga Atom Malaysia (Atom Malaysia) di Bilik Perbincangan KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.



**TIMBALAN KPN
TERIMA KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA
EKSEKUTIF (KESELAMATAN) IPSOM**

Kuala Lumpur, 29 Oktober 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada delegasi Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama pasukan penyelidik di Bilik Mesyuarat KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia.



**TIMBALAN KPN
TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UIS**

Kuala Lumpur, 13 November 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada delegasi Universiti Islam Selangor (UIS) di Bilik Tetamu KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.



**KPN
TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR
AMERIKA SYARIKAT**

Kuala Lumpur, 21 November 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, H.E Edgard D. Kagan bersama delegasi di Bilik Tetamu KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman (PDRM).



**TIMBALAN KPN
TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN MFL**

Kuala Lumpur, 4 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menerima kunjungan hormat daripada Presiden Malaysian Football League (MFL), Dato' Ab Ghani Hassan bersama delegasi di Bilik Perbincangan KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman.

TIMBALAN KPN SERIKAN MAJLIS SYARAH SAHIH AL-BUKHARI BERSANAD DARUL IMAN

Kuala Terengganu, 2 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay memenuhi undangan ke Majlis Syarah Sahih Al-Bukhari Bersanad Darul Iman yang berlangsung di Balai Islam, Istana Syarqiyyah.

Berangkat bercemar duli ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah bersama KDYMM Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah.

Turut berkenan berangkat ke majlis ialah Duli Yang Teramat Mulia Yang di-Pertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail Ibni Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin serta kerabat diraja negeri.

Majlis anjuran Pertubuhan Kebajikan At-Taibah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu itu turut dihadiri lebih 300 tetamu, merangkumi para ilmuwan, tetamu kenamaan dan masyarakat setempat.

Program tersebut mengangkat tradisi pengajian hadis secara bersanad, melalui pembacaan dan syarahan kitab Sahih Al-Bukhari yang bertujuan menghidupkan budaya cinta ilmu serta memperkukuh pengajian kitab turath dalam masyarakat.

Sebelum menunaikan solat Isyak berjemaah, Tan Sri Ayob Khan bersama para tetamu mengikuti sesi syarahan mengenai Hadis Al-Bukhari yang disampaikan oleh Mufti Besar India, Al-Allamah Syeikh Abu Bakar Ahmed Al-Malibari. Penyampaian tersebut turut diterjemahkan oleh Pengerusi Majlis Bukhari Malaysia, Ustaz (Dr.) Bashir Mohammed Al-Azhari.

Turut hadir, Mufti Negeri Terengganu, Sahibus Samahah Dato' Dr. Hj. Mohamad Sabri Haron, Setiausaha Kerajaan negeri, Dato' Nara Setia Dato' Zulkifli Ali, Ketua Polis Terengganu, DCP Dato' Mohd Khairi Khairudin serta para pegawai kanan polis Kontinjen Terengganu.



TIMBALAN KPN PENUHI UNDANGAN SEBAGAI PANEL DIALOG INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

Kuantan, 2 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir memenuhi undangan sebagai ahli panel dalam Dialog Integriti dan Antirasuah sempena Sambutan Hari Integriti dan Antirasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Pahang Tahun 2025 yang diadakan di Swiss-Belhotel.

Forum bertajuk "Membudayakan Integriti Dalam Organisasi: Cabaran dan Strategi Keberkesanan" anjuran bersama Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Pahang itu turut menampilkan barisan pakar dalam bidang integriti dan pencegahan rasuah.

Antaranya ialah bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Seri Hj. Mustafar Hj. Ali bersama bekas Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin sebagai panel kedua dan ketiga manakala Tuan Hj. Ishak Abu Bakar yang pernah dilantik sebagai Pegawai Siasatan Kanan SPRM bertindak sebagai moderator dalam forum yang diadakan.

Antara inti pati yang ditekankan oleh Tan Sri Ayob Khan dalam wadah perbincangan hampir dua jam itu adalah berkenaan cabaran yang perlu dihadapi dalam mendepani tugas serta amanah sebagai pegawai polis, khususnya dalam aspek mempertahankan integriti dan disiplin organisasi.

Beliau turut menegaskan bahawa cabaran adalah lumrah dalam kehidupan dan setiap pegawai perlu menghadapinya dengan kekuatan prinsip serta jati diri yang kukuh. Tambahnya lagi, pengukuhan asas agama serta penghayatan empat sifat terpuji Nabi Muhammad SAW iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fathonah amat penting dalam membentuk sahsiah yang baik dan menjadi teladan kepada orang lain.

Dalam masa yang sama, Tan Sri Ayob Khan menekankan bahawa tiada sebarang kompromi terhadap isu disiplin walaupun melibatkan kesalahan kecil. Tindakan tegas seperti buang kerja, penurunan pangkat dan tindakan tatatertib akan dilaksanakan tanpa bertolak ansur. Pemeriksaan mengejut serta pelaksanaan Elektronik Sistem Kawalan Dadah dan Disiplin (e-SKDD) juga diteruskan bagi memastikan organisasi kekal berintegriti dan bebas daripada salah laku.

Turut hadir, Ketua Hakim Syarie Pahang, Dato' Hj. Abdul Walid Hj. Abu Hassan, Timbalan Ketua Polis Pahang, DCP Dato' Azry Akmar Dato' Hj. Ayob, Pengarah SPRM Negeri Pahang, KPKPj Mohd Shukor Mahmud dan Presiden Persatuan Bekas Pegawai SPRM, Dato' Mazlan Mohamad.



KPDRM PEMANGKIN KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN WARGA PASUKAN

BERITA BUKIT AMAN

Kuala Lumpur, 3 Disember 2025 - Sejalan dengan peranan Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) sebagai pemangkin kesejahteraan dan pembangunan warga Pasukan, semua ahli lembaga diseru untuk terus komited dalam memperkukuh usaha ke arah meningkatkan manfaat serta kebajikan Pasukan.

Seruan tersebut disampaikan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail dalam Sesi Taklimat Bersama Anggota Lembaga dan Pengurusan KPDRM Berhad yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Bangunan Koperasi Polis.

Beliau selaku Yang Dipertua KPDRM turut berkongsi kejayaan koperasi yang selama ini membantu ramai warga Pasukan dan keluarga mereka dalam mengurus kehidupan seharian melalui pelbagai inisiatif seperti simpanan, pinjaman, perniagaan serta program kebajikan.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid juga berharap agar dalam era digital dan globalisasi, koperasi berani meninggalkan kaedah lama serta mengadaptasi strategi baharu yang lebih berdaya saing.

Beliau turut menegaskan bahawa warga Polis bukan sahaja menjaga keselamatan negara, malah mampu mengurus ekonomi dengan berhemah dan menjadi contoh kepada masyarakat.

Sebelum taklimat berakhir, PDRM turut menerima sumbangan wakalah zakat daripada Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam merangkap Pengerusi KPDRM, CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim. Sumbangan ini merupakan tanda sokongan berterusan terhadap kebajikan warga Pasukan.

Hadir sama, Timbalan KPN merangkap Timbalan Yang Dipertua KPDRM, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid, Timbalan Pengarah (Siasatan) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman merangkap Bendahari KPDRM, DCP Mohd Mahidisham Ishak, Setiausaha Polis Malaysia, DCP Abdul Rahman Kassim, Timbalan Pengerusi KPDRM, Dato' Nerita Yaacob dan Setiausaha KPDRM, Dato' Mazelan Pajian.



TIMBALAN KPN ADAKAN LAWATAN KERJA KE KONTINJEN KL

Kuala Lumpur, 4 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengadakan lawatan kerja rasmi ke Kontinjen Kuala Lumpur (KL) bertempat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) KL.

Kehadiran beliau telah disambut Ketua Polis negeri (KP), CP Dato' Fadil Hj. Marsus, bersama timbalannya DCP Dato' Mohd Azani Omar sebelum dibawa ke pejabat KP.

Seusai sesi berkenaan, Tan Sri Ayob Khan meneruskan program lawatan di Mes Pegawai Kanan IPK KL bagi sesi taklimat keselamatan yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Cawangan Khas (Risikan dan Operasi) Kontinjen KL, ACP Kamaruzaman Md Alib dan kemudiannya disusuli amanat oleh Tan Sri Ayob Khan kepada mereka yang hadir.

Program turut diisi dengan sesi soal jawab ringkas, sebelum diakhiri dengan sesi ramah mesra bersama warga kerja Cawangan Khas Kontinjen KL.



KPN DAN PENERUSI PERKEP MALAYSIA ADAKAN LAWATAN KERJA KE KONTINJEN NEGERI SEMBILAN



Seremban, 4 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama isteri yang juga Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Datin Sri Datuk (Dr.) Hjh. Munirah Che Rose telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan.

Ketibaan Dato' Sri Hj. Mohd Khalid disambut oleh Ketua Polis negeri, DCP Dato' Alzafny Ahmad bersama isteri merangkap Pengerusi PERKEP Kontinjen Negeri Sembilan, Datin Afifah Abdul Wahab sebelum beliau melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan utama yang terdiri daripada tiga pegawai dan 101 anggota IPK Negeri Sembilan, diketuai Pegawai Pemerintah Baris, DSP Mohamad Hafiz Elias.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat oleh DCP Dato' Alzafny yang merangkumi situasi jenayah semasa, keupayaan operasi serta cabaran strategik yang dihadapi Kontinjen Negeri Sembilan.

Dalam sesi amanat kepada warga Kontinjen Negeri Sembilan di Dewan Utama IPK, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menzahirkan penghargaan terhadap iltizam pegawai dan anggota dalam memastikan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Beliau turut mengingatkan agar integriti, disiplin dan semangat kerja berpasukan terus menjadi teras kekuatan organisasi.

"Saya menyeru seluruh warga Pasukan terus memegang tekad dan taat setia untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Jadikanlah setiap hari sebagai peluang untuk menambah baik, berinovasi dan menonjolkan imej Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang disegani," katanya.

Selesai sesi amanat, KPN dan isteri meneruskan rangka lawatan melalui Program Ziarah Kasih bagi menyantuni anggota dan pesara yang sedang diuji masalah kesihatan.

Kunjungan pertama adalah ke kediaman Koperal Mohd Bhadurool Hazani Mat Hasan di Taman Andalas, Mantin yang menghidap kegagalan buah pinggang kronik, menjalani rawatan hemodialisis dan bergantung kepada kerusi roda selepas kehilangan kaki kanan.

Delegasi kemudian menziarahi pesara Koperal Muhamad Ikhsan Md Sarif di Taman Desa Dahlia, Senawang yang terlanter akibat kerosakan otak, sebelum mengunjungi Koperal Mohd Fairus Khamis di Bandar Sri Sendayan yang masih menerima rawatan berikutan kemalangan jalan raya.



Dalam setiap kunjungan, KPN dan rombongan menyerahkan cenderahati serta menyampaikan sokongan moral kepada keluarga sebagai tanda keprihatinan PDRM terhadap kebajikan warga Pasukan.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, CP Dato' Hussein Omar Khan, Setiausaha Polis Malaysia, DCP Abdul Rahman Kassim, Timbalan Ketua Polis negeri, SAC Muhammad Idzham Hj. Jaafar bersama isteri merangkap Naib Pengerusi PERKEP Kontinjen Negeri Sembilan, Puan Nor A'ini Daud, barisan ketua jabatan dan ketua polis daerah Kontinjen Negeri Sembilan, para pegawai kanan serta ahli-ahli PERKEP Kontinjen Negeri Sembilan.



JPJKK TERUS TERAJUI INISIATIF SEKOLAH SELAMAT, BANTERAS GEJALA BULI



Kuala Lumpur, 5 Disember 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) terus memperkukuh komitmen dalam mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat serta membanteras gejala buli dalam kalangan pelajar di seluruh negara.

Pendekatan tersebut diperkasakan melalui peranan aktif Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dengan sokongan pelajar, ibu bapa dan komuniti sekolah dalam meningkatkan kesedaran mengenai bahaya dan kesan buruk buli.

Perkara itu dinyatakan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail ketika menyampaikan amanat dalam Perhimpunan Bulanan KPN bagi bulan Disember 2025 anjuran JPJKK yang berlangsung di Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman.

Menurut beliau, usaha bersepadu itu diyakini dapat mewujudkan ekosistem pembelajaran yang lebih selamat, memupuk budaya hormat-menghormati dan memastikan insiden buli dapat dicegah dari peringkat awal.

Tambah beliau lagi, PDRM bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memperkukuh kerjasama melalui pelaksanaan Kempen Anti Buli yang telah dilancarkan pada Oktober 2025.

"Selain itu, usaha memperkasa kerangka keselamatan sekolah di peringkat nasional turut digerakkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Permuafakatan PDRM-KPM pada 28 Oktober 2025 yang menetapkan strategi, indikator dan dasar komprehensif bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif," katanya.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut menzahirkan penghargaan atas kejayaan Unit Mobile Patrol Vehicle (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dari Bahagian Operasi Darat JPJKK yang merekodkan lebih 19,000 tangkapan melibatkan pelbagai kes jenayah termasuk narkotik dan imigresen dari tempoh Januari hingga Oktober 2025.

Kejayaan itu membuktikan kecekapan serta dedikasi tinggi warga JPJKK dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian Anugerah Pengurusan Perumahan Terbaik PDRM kepada tiga kuarters polis, iaitu Perumahan Polis Menara Sri Kemboja Kuala Lumpur, Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam Johor dan Perumahan Balai Polis Bukit Kayu Hitam Kedah atas kecemerlangan pengurusan perumahan warga PDRM.

Seramai 20 warga PDRM dari pelbagai jabatan dan formasi turut menerima Surat Penghargaan KPN atas komitmen serta prestasi tugas cemerlang yang telah ditunjukkan.



TIMBALAN KPN

MENGADAKAN LAWATAN KERJA RASMI KE CAWANGAN KHAS IPK SELANGOR

Shah Alam, 5 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengadakan lawatan kerja rasmi ke Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Polis (KP) negeri, CP Dato' Pahlawan Shazeli Dato' Kahar bersama timbalannya, DCP Mohd Zaini Abu Hassan sebelum diiringi ke pejabat KP.

Tan Sri Ayob Khan meneruskan lawatan ke Cawangan Khas kontinjen bagi melihat pengoperasian dan keberkesanan langkah keselamatan yang digerakkan jabatan tersebut dalam menghadapi ancaman keselamatan negara.

Beliau kemudiannya ke Mes Pegawai Kanan bagi menyampaikan amanat tentang kepentingan kesiapsiagaan berterusan, pematuhan disiplin tinggi serta pengukuhan integriti sebagai asas utama kekuatan Cawangan Khas dalam memastikan keselamatan negara kekal terpelihara.

Turut hadir, Ketua Cawangan Khas kontinjen Selangor, SAC Faizal Ibrahim dan Ketua Jabatan Pengurusan kontinjen Selangor, SAC Mohd Iqbal Ibrahim.



SAMBUTAN HARA 2025: TIMBALAN KPN TEGAS SOKONGAN PDRM TERHADAP USAHA KERAJAAN PERANGI RASUAH

Putrajaya, 5 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menegaskan komitmen serta sokongan padu Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap usaha berterusan kerajaan dalam memerangi rasuah melalui Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025.

Majlis yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya itu telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said dan Menteri Komunikasi, Datuk Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil.

Bertemakan "Bersama Perkhidmatan Awam MADANI Memerangi Rasuah: Membentuk Integriti Masa Hadapan", sambutan itu digerakkan melalui kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pertubuhan Anti Korupsi Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Angkatan Koperasi Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Dalam ucapan aluannya, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam Baki menegaskan kesungguhan SPRM dalam menyokong iltizam Kerajaan MADANI untuk membersihkan negara daripada rasuah dan salah guna kuasa, sekali gus memperkukuh integriti perkhidmatan awam.

Sementara itu, Dato' Seri Anwar dalam ucapan perasmianya mengajak seluruh rakyat memperkukuh nilai integriti sebagai asas transformasi holistik masyarakat, di samping merakamkan penghargaan kepada semua agensi penguatkuasaan yang terus memainkan peranan penting membanteras rasuah demi mencapai negara yang bebas korupsi.

Majlis turut menyaksikan pelancaran Sistem Pengurusan Integriti dan Governans serta Kempen Clean Economic Ecosystem oleh Dato' Seri Anwar sebagai langkah memperkukuh struktur tadbir urus negara dan memantapkan budaya akauntabiliti dalam pentadbiran sektor awam.



KPN RASMI PEMBUKAAN SIDANG PERTAMA ISTIADAT KONVOKESYEN KOLEJ UNIKOP KE-5

BERITA BUKIT AMAN



Cheras, 6 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail merasmikan Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen Kolej UNIKOP ke-5 yang berlangsung di Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kuala Lumpur.

Istiadat dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kolej UNIKOP, Dato' Pahlawan Suparamaniam Ramasamy. Kolej UNIKOP merupakan institusi pengajian tinggi swasta milik Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) yang bernaung di bawah PDRM.

Dalam istiadat penuh tertib itu, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid telah menganugerahkan diploma dan sijil kepada para graduan Sidang Pertama melibatkan pelbagai program pengajian.

Anugerah tersebut merangkumi Diploma Perkhidmatan Penyiasatan, Diploma Kepolisian dan Penyiasatan, Diploma Penguatkuasaan Undang-Undang, Diploma Pengurusan Pelancongan, Diploma Perakaunan, Diploma Pengurusan Pejabat, Diploma Psikologi, Diploma Teknologi Maklumat serta Sijil Perkhidmatan Penyiasatan.

Secara keseluruhan, seramai 151 graduan menerima pengiktirafan masing-masing pada sidang berkenaan, menzahirkan kecemerlangan, usaha gigih dan komitmen mereka sepanjang tempoh pengajian. Dalam konvokesyen kali ini, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid telah menyampaikan Anugerah Akademik KPN kepada Julia Qistina Haiqal Mohd Hafiz atas pencapaian cemerlang yang dipamerkan.



Berucap di hadapan para hadirin, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menyatakan bahawa kejayaan para graduan lahir hasil usaha gigih, sokongan keluarga serta bimbingan para pensyarah.

Beliau turut menegaskan bahawa kerjasama erat antara PDRM dan Kolej UNIKOP menjadi asas penting dalam menyediakan pendidikan berkualiti serta memperkukuh profesionalisme graduan.

"Semoga pencapaian para graduan menjadi obor yang menerangi langkah menuju kerjaya yang lebih cemerlang. Jadikan ilmu serta kemahiran yang digarap di Kolej UNIKOP sebagai bekalan mengharungi ranjau dan cabaran di masa hadapan," ujar beliau.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim, Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) Bukit Aman, DCP Datuk Mohd Marzukhi Mohd Mokhtar, Timbalan Pengerusi KPDRM, Dato' Nerita Yaacob, Setiausaha Polis Malaysia, DCP Abdul Rahman Kassim serta para ibu bapa graduan.





JPPPW ANJUR SEMINAR, PERKASA KEPIMPINAN DAN PROFESIONALISME POLIS WANITA

Kuala Lumpur, 8 Disember 2025 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jawatankuasa Pembangunan Pengurusan Polis Wanita (JPPPW) terus memperkasa peranan serta kepimpinan wanita di dalam Pasukan melalui penganjuran Seminar Pembangunan Pengurusan Polis Wanita Tahun 2025 yang berlangsung penuh iltizam di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab PDRM Kuala Lumpur.

Seminar yang mengangkat tema “Pemeriksaan Wanita PDRM, Tonggak Integriti dan Profesionalisme” itu berlangsung selama dua hari, iaitu pada 8 dan 9 Disember, dengan menghimpunkan pegawai kanan serta pegawai rendah polis wanita dari seluruh kontinjen.

Selain memperkukuh kompetensi, sahsiah dan kepimpinan merentas pelbagai peringkat perkhidmatan, seminar itu juga menfokuskan aspek kepimpinan, integriti, kesihatan serta pembangunan profesionalisme, selaras dengan agenda pemeriksaan polis wanita.

Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah, dengan diiringi oleh Ketua Polis Negara, IG Dato’ Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar menegaskan bahawa kredibiliti dan kepimpinan pegawai polis wanita kini semakin menyerlah sehingga mampu mengubah persepsi konvensional yang sebelum ini meragui kemampuan mereka sebagai pemimpin dan pembuat dasar.

Berucap dalam majlis sama, Dato’ Sri Hj. Mohd Khalid menekankan bahawa pemeraksanaan wanita tidak lagi boleh dianggap sebagai agenda sampingan, sebaliknya perlu menjadi nadi pembentukan kepimpinan dan integriti Pasukan.

“PDRM tidak seharusnya ketinggalan dalam menjadi pelopor pemeraksanaan wanita, menzahirkan potensi mereka bukan sekadar sebagai pelengkap tetapi sebagai tulang belakang kepimpinan, pengurusan strategik dan kepakaran teknikal,” jelas beliau.

Kemuncak majlis menyaksikan penyampaian Sijil Penghargaan Anugerah JPPPW Tahun 2025 bagi kategori Anugerah Hati Waja JPPPW kepada tiga pegawai wanita yang berjiwa kental dan mempunyai ketabahan yang luar biasa di dalam perkhidmatan. Mereka terdiri daripada ASP Siti Nor Mairah Ghumat dari Bahagian Latihan, Jabatan Pengurusan Bukit Aman, Kuala Lumpur, ASP Nor Murni Tabarani dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong, Pahang dan Sarjan Mejar Hamizah Hamidon dari IPD Alor Gajah, Melaka.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Perancangan Strategik, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, ACP Loi Poo Lang dan Koperal Nor Akila Mohammad Rodzi dari Unit Pegawai Rendah Polis dan Cawangan Perjawatan, Jabatan Pengurusan Bukit Aman menerima Anugerah Khidmat Komuniti JPPPW Tahun 2025 atas pencapaian cemerlang dalam khidmat komuniti bukan sahaja dalam negara tetapi juga di pentas antarabangsa.

Hadir sama, barisan Pengarah PDRM, Ketua Polis (KP) Selangor, CP Dato’ Pahlawan Shazeli Dato’ Kahar, KP Kuala Lumpur, CP Dato’ Fadil Hj. Marsus, Timbalan Pengarah (Kepolisian Am/Kepolisian Komuniti), Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman merangkap Pengerusi JPPPW, DCP Dato’ Aida Abdul Hamid dan Komandan Maktab PDRM Kuala Lumpur, DCP Dr. Che Ghazalie Che Awang.



TIMBALAN KPN KONGSI PANDANGAN ISU INTEGRITI DIGITAL DALAM BICARA INTEGRITI PAGI

BERITA BUKIT AMAN

Bangi, 8 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay berkongsi pandangan mengenai isu integriti digital dari perspektif Polis Diraja Malaysia (PDRM) semasa menjadi panel jemputan dalam Program Bicara Integriti Pagi anjuran Pusat Integriti dan Ombudsman, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berlangsung di Bilik Bankuasi, Canselor UKM.

Program bertemakan "Integriti Era Digital: Transformasi Penilaian Integriti dan Cabaran Risiko Rasuah Baharu" itu secara keseluruhan membincangkan mengenai keperluan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan komuniti dalam memperkukuh sistem integriti negara, selaras dengan cabaran rasuah yang semakin kompleks dalam ekosistem digital masa kini.

Panel lain yang turut serta ialah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Datuk Ahmad Nizam Ismail, Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM), Dr. Rozaidi Abdul Rahim Razali serta Presiden Angkatan Mahasiswa Antirasuah UKM, Saudari Nur Nasrin Syamin Faqihah Md Hanafi. Manakala moderator program dikendalikan oleh Pengetua Kolej Dato' Onn, Profesor Madya Dr. Zaizul Ab Rahman.

Berkongsi lanjut, Tan Sri Ayob Khan menegaskan bahawa pembangunan sistem integriti yang seiring dengan evolusi digital merupakan keperluan strategik bagi memastikan pemantauan, penilaian serta pengurusan risiko rasuah dapat dilaksanakan dengan lebih telus, cekap dan berpaksikan data.

Beliau juga menekankan kepentingan pembudayaan integriti sebagai elemen teras dalam penyampaian perkhidmatan PDRM, sekaligus memastikan keyakinan masyarakat terhadap profesionalisme institusi penguatkuasaan terus terpelihara.

Hadir sama, Naib Canselor UKM, Profesor Dr. Sufian Jusoh, Ahli Lembaga Pengarah UKM, Dato' Hisham Nordin serta Ketua Pegawai Sektor Korporat IIM, Dr. Mona Othman.



MDN SEMPURNAKAN PELUNCURAN BUKU GARIS PANDUAN PENGURUSAN SIASATAN JSJN



Kuala Lumpur, 9 Disember 2025 - Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menyempurnakan Peluncuran Buku Garis Panduan Pengurusan Siasatan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) yang berlangsung di Dewan Pengaman, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur (KL).

Mengiringi kehadiran beliau ialah Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Dr. Awang Alik Jeman, Timbalan KSU (Keselamatan) KDN, Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Abdul Rahman dan Setiausaha Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam KDN, Datuk Zulkifli Abidin.

Penerbitan garis panduan itu bertujuan memperkasa profesionalisme penyiasatan JSJN dalam mendepani jenayah narkotik berprofil tinggi di Malaysia, selain memperkukuh daya juang negara dalam memerangi ancaman dadah.

Selain itu, kandungannya juga dikemaskini mengikut garis panduan yang lebih terperinci meliputi aspek risikan, kaedah siasatan moden, pengurusan bukti dan penyediaan kertas siasatan yang lengkap serta menepati kehendak undang-undang.

Terdahulu, Datuk Seri Saifuddin Nasution bersama delegasi meninjau Kompleks Narkotik untuk melihat kemudahan dan fasiliti yang digunakan dalam penugasan harian JSJN, termasuk ruang operasi dan pusat pengurusan risikan.

Seterusnya berlangsung sesi taklimat oleh Pengarah JSJN, CP Dato' Hussein Omar Khan di Bilik Mesyuarat Risikan/Operasi JSJN mengenai pengurusan aliran kerja, pengoperasian jabatan, selain isu dan cabaran yang dihadapi dalam menangani ancaman jenayah narkotik.

Turut disiarkan tayangan montaj khas bertema "Kejayaan JSJN Sepanjang Tahun 2025" yang memaparkan pencapaian JSJN dalam membanteras jenayah dadah di peringkat negara dan antarabangsa.

Hadir sama, Setiausaha Polis Malaysia, DCP Abdul Rahman Kassim, barisan Timbalan Pengarah Polis Diraja Malaysia, Komandan PULAPOL Kuala Lumpur, SAC Datuk Mohd Nor Yhazid Idris serta para pegawai kanan JSJN.



ENAM JURUTERBANG PGU WANITA PERTAMA TERIMA PENTAULIAHAN PPL (HELIKOPTER)

Ipoh, 10 Disember 2025 - Sejarah baharu tercipta apabila enam pegawai wanita berjaya menamatkan Kursus Private Pilot Licence (PPL) Bilangan 20 Siri 1/2023 Helikopter dan ditauliahkan sebagai juruterbang wanita pertama Pasukan Gerakan Udara (PGU), Polis Diraja Malaysia (PDRM). Turut ditauliahkan ialah tiga pegawai lelaki yang mengikuti kursus sama.

Majlis Pemakaian Sayap Juruterbang disempurnakan oleh Ketua Polis Negara, IG Dato' Seri Panglima Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail di Pangkalan Latihan Udara PGU.

Ketibaan beliau disambut oleh Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri & Ketenteraman Awam (Gerakan/Operasi) Bukit Aman, CP Dato' Fisol Salleh, sebelum beliau dibawa memeriksa Kawalan Kehormatan Utama, melibatkan tiga pegawai dan 102 anggota Pasukan Simpanan Persekutuan Unit 5 Ipoh yang diketuai DSP Mohd Farid Mohd Anuar.

Berucap dalam majlis penutup, Dato' Seri Panglima Hj. Mohd Khalid menzahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua juruterbang baharu atas kejayaan menamatkan pelbagai fasa latihan yang mencabar.

Beliau turut menegaskan komitmen berterusan PDRM dalam memperkukuh penyertaan wanita dalam bidang penerbangan taktikal.

"Selari dengan dasar inklusif Kerajaan, PGU mula membuka peluang kepada Pegawai Kanan Polis Wanita sejak tahun 2021. PDRM kini mempunyai sembilan juruterbang wanita, termasuk enam yang diraikan dalam majlis ini," jelas beliau.

Kursus yang bermula pada 6 November 2023 itu menuntut ketahanan fizikal, kemahiran teknikal serta disiplin tinggi. Para peserta telah mengikuti modul penting seperti latihan kecemasan, navigasi, komunikasi udara dan pengendalian misi operasi udara yang merupakan komponen kritikal dalam memastikan kesiapsiagaan PGU dalam menjaga keselamatan negara.

Majlis turut menyaksikan Pemakaian Beret dan Lencana Sayap Kehormat PGU kepada Dato' Seri Panglima Hj. Mohd Khalid yang disempurnakan oleh Komander PGU, DCP Dato' Noor Sham Md Jani.

Kemuncak majlis menyaksikan penyampaian sijil kepada tiga peserta yang menunjukkan prestasi terbaik sepanjang kursus iaitu Insp Nur Izzati Bohari (Anugerah Akademik Terbaik), Insp Mohammad Azim Fiqri Jamaludin (Anugerah Penerbangan Terbaik) dan Insp Muhammad Muzzamer Mohd Rasid, (Anugerah Keseluruhan Terbaik).

Tahniah diucapkan kepada semua pegawai yang kini bergelar Juruterbang Helikopter PGU. Kejayaan ini diharap terus menjadi inspirasi kepada warga PDRM dalam memperkukuh kecemerlangan pasukan demi keselamatan rakyat dan negara.

Turut hadir, Ketua Polis Perak, CP Dato' Noor Hisam Nordin, barisan timbalan pengarah, para komander, Pengarah Urusan Kumpulan Gading Air Services Sdn. Bhd. Puan Siti Amira Nur Shafieqah Dato' Sri Johari serta wakil agensi kerajaan dan



KPN

HADIRI PERHIMPUNAN BULANAN KDN ANJURAN BERSAMA JIM

Putrajaya, 11 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi bulan Disember yang berlangsung dekat Dewan Gemilang, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa.

Perhimpunan anjuran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) itu disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. Acara dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KDN, Datuk Dr. Awang Alik Jeman, diikuti amanat khas oleh MDN.

Seterusnya, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid bersama tetamu kehormat mengiringi Datuk Seri Saifuddin Nasution bagi menyempurnakan Peluncuran Buku Modul Pembelajaran Ujian Bahasa Melayu oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan Peluncuran Buku Garis Panduan Permit Masuk JIM.

Dalam majlis yang sama, turut berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Imigresen Malaysia bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Jabatan Imigresen Malaysia dengan F&A Record Productions Studio Sdn. Bhd. sambil disaksikan oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution.

Terdahulu, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menyaksikan penyerahan kenderaan operasi kepada JIM yang melibatkan 60 buah kenderaan utiliti sukan (SUV) Toyota Fortuner, 20 lori 16 tan Isuzu dan tiga lori Hino 300 Series oleh beberapa syarikat.

Penyerahan tersebut disempurnakan oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail kepada Ketua Pengarah JIM, Dato' Zakaria Shaaban.

BERITA BUKIT AMAN



Turut hadir, Timbalan MDN, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Hj. Nasarah, Timbalan KSU (Keselamatan) KDN, Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Abdul Rahman, Timbalan KSU (Pengurusan) KDN, Encik Fakhru Razi Ab Wahab, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah Polis Diraja Malaysia, Setiausaha Polis Malaysia, DCP Abd Rahman Kassim serta ketua-ketua pengarah jabatan dan agensi di bawah KDN.



TIMBALAN KPN HADIR 35TH SULTAN AZLAN SHAH LAW LECTURE

Kuala Lumpur, 11 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri 35th Sultan Azlan Shah Law Lecture yang berlangsung di The St. Regis Kuala Lumpur.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Magfur-Lah dan DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim turut berkenan berangkat ke majlis tersebut.

Siri Syarahan Undang-Undang Sultan Azlan Shah telah menjadi salah satu acara paling berprestij dalam kalendar perundangan Malaysia selama lebih tiga dekad sejak 1986, kembali dianjurkan tahun ini dengan kerjasama Yayasan Sultan Azlan Shah dan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

Program ini bertujuan menggalakkan perbincangan ilmiah mengenai isu-isu perundangan semasa dan memperkukuh kefahaman tentang undang-undang antarabangsa dalam kalangan warga akademik, pengamal undang-undang dan agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Syarahan pada edisi kali ini disampaikan oleh pakar perundangan dunia iaitu Master of Magdalene College, Cambridge dan bekas Hakim Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Sir Christopher Greenwood yang bertajuk 'Can International Law Make a Difference in Time of War?'.
Kehadiran Tan Sri Ayob Khan sebagai tetamu kehormat bagi mewakili Pasukan, mencerminkan komitmen PDRM terhadap pembangunan wacana undang-undang, khususnya dalam konteks keselamatan dan hubungan antarabangsa.

Turut hadir, barisan Menteri Kabinet, Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Utama Wan Ahmad Farid Wan Salleh, Pengarah Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Rusdi Mohd Isa, Ketua Polis (KP) Selangor, CP Dato' Pahlawan Shazeli Dato' Kahar, KP Perak, CP Dato' Noor Hisam Nordin dan Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) Bukit Aman, DCP Datuk Marzuki Mohd Mokhtar.



TIMBALAN KPN SERTAI PROGRAM QIYAM DAN SUBUH PERDANA PDRM



KPN TINJAU PUSAT OPERASI NSRC

Cyberjaya, 12 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail melakukan tinjauan ke Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) di Menara 2, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Hadir mengiringi beliau ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), CP Dato' Rusdi Mohd Isa.

Dalam lawatan kira-kira satu jam itu, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid mendengar taklimat operasi dan hala tuju NSRC yang disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah (Siasatan Jenayah Siber & Multimedia) JSJK, ACP Zulkeflee Sulaiman, sebelum meninjau secara langsung pelaksanaan operasi pusat berkenaan yang berperanan menangani kes penipuan kewangan dalam talian di negara ini.

Terdahulu, beliau turut meninjau perkembangan kerja-kerja pengubahsuaian NSRC di aras 8.

Seusai taklimat, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut melawat Pusat Panggilan (Aduan) bagi meneliti peranan, struktur dan mekanisme penyelarasan aduan yang dilaksanakan oleh pusat berkenaan.

Kuala Lumpur, 12 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir menyertai Program Qiyam dan Subuh Perdana Polis Diraja Malaysia (PDRM) anjuran Masjid Bukit Aman yang berlangsung di Dewan Solat Utama, Masjid Bukit Aman.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Bukit Aman, CP Datuk Hj. Hamzah Hj. Ahmad.

Program dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Al-Fadhil Ustaz Syeikh Abdul Karim Omar Al-Makki, sebelum diteruskan dengan qiamullail yang turut dipimpin oleh beliau. Sepanjang program, para jemaah menunaikan solat tahajud, solat hajat dan solat witr sebagai pengisian utamanya.

Seusai qiamullail, jemaah menunaikan solat subuh berjemaah yang dipimpin oleh Ustaz Syeikh Abdul Karim. Majlis diteruskan dengan sesi tazkirah Subuh bertajuk "Mencari Tuhan di Tengah Sibuk Dunia" yang disampaikan oleh pendakwah bebas, Ustaz Syed Mohd Norhisyam Tuan Padang. Perkongsian beliau memberi peringatan bermakna tentang keutamaan menjaga hubungan dengan Allah SWT meskipun berdepan rutin kehidupan yang mencabar.

Program kali ini turut memperkenalkan Bonus Subuh khusus untuk peserta berusia 17 tahun dan ke bawah, sebagai usaha menggalakkan penyertaan generasi muda dalam aktiviti keagamaan serta memupuk kecintaan terhadap majlis ilmu. Inisiatif ini menjadikan program bukan sekadar platform ibadah, malah medan mengeratkan ukhuwah sesama warga PDRM dan masyarakat.

Turut hadir menyertai jemaah ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, CP Dato' Hussein Omar Khan, barisan Timbalan Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah jabatan-jabatan PDRM, warga kerja Bukit Aman serta penduduk setempat.



84 PESARA DAN BAKAL PESARA PDRM BUKIT AMAN DIRAI DALAM MAJLIS PENGHARGAAN 2025

Kuala Lumpur, 12 Disember 2025 - Seramai 84 pesara dan bakal pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) diraikan dalam Majlis Meraikan Pesara dan Bakal Pesara Peringkat Bukit Aman Tahun 2025 yang berlangsung penuh muhibbah di Mes Pegawai Kanan, Bukit Aman.

Majlis diserikan dengan kehadiran Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama Timbalan Ketua Polis Negara, DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid, selaku Penasihat Jawatankuasa Penganjur Majlis.

Bertemakan "Jasa Dikenang, Bakti Dijunjung", majlis ini menjadi simbol penghargaan tulus PDRM terhadap segala jasa, bakti dan pengorbanan pesara yang telah mencurahkan komitmen serta kepimpinan sepanjang perkhidmatan di bawah Panji-Panji Sang Saka Biru.

"Harapan saya, walaupun telah bersara, semangat berpasukan dan nilai profesionalisme yang dipupuk akan terus terpelihara. Semoga para pesara kekal menjadi 'duta baik' PDRM dalam komuniti, menyalurkan pengalaman dan kepakaran demi kesejahteraan masyarakat," kata Dato' Sri Hj. Mohd Khalid ketika menyampaikan ucapannya.

Beliau turut menegaskan PDRM terus menzahirkan keprihatinan terhadap kebajikan pesara dengan memperkukuh program bantuan melalui Tabung Amanah Warisan Polis serta penambahbaikan komunikasi antara pesara dan Pasukan.

Tambah beliau, bakal pesara disaran merancang persaraan dengan bijak melalui pengurusan kewangan, penjagaan kesihatan serta pengisian aktiviti bermakna sambil menyifatkan persaraan sebagai permulaan fasa baharu hidup yang memerlukan perancangan teratur.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia, CP Datuk Ts. Ahmad Ramdzan Daud, bersama isteri Datin Noorbahiah Daud hadir mewakili para pesara bagi menyampaikan ucapan balas kepada pucuk pimpinan PDRM.

Turut hadir, Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Datin Sri Datuk (Dr.) Hjh. Munirah Che Rose, barisan Pengarah Jabatan PDRM, Pengerusi PERKEP Jabatan Pengurusan, Datin Sri Selmiah Tuan Ibrahim serta Setiausaha Polis Malaysia, DCP Abd Rahman Kassim.



TIMBALAN KPN MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN BAHRAIN TAHUN 2025

Kuala Lumpur, 12 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Bahrain Tahun 2025 yang berlangsung di The Bayu Ballroom, Marriot Hotel.

Sambutan turut dijadikan simbolik memperingati ulang tahun ke-51 hubungan diplomatik antara Bahrain dengan Malaysia.

Kehadiran Tan Sri Ayob Khan yang mewakili KPN, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail dan Polis Diraja Malaysia adalah menunjukkan komitmen dalam mengukuhkan hubungan bilateral dan meneroka peluang kerjasama yang lebih luas antara kedua-dua negara, khususnya dalam aspek keselamatan.

Dalam majlis itu, Tan Sri Ayob Khan turut mendengar ucapan yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Hj. Mokhtar, yang kemudiannya disusuli dengan ucapan oleh Duta Besar Bahrain ke Malaysia, H.E. Dr. Waleed Khalifa Al Manea. Turut hadir, barisan ketua perwakilan negara luar.



KPN DAN PENERUSI PERKEP MALAYSIA ZIARAH WARGA PASUKAN DI MELAKA

Melaka, 13 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Datin Sri Datuk (Dr.) Hjh. Munirah Che Rose telah menziarahi dua anggota warga pasukan.

Lawatan kebajikan tersebut melibatkan Konstabel Noor Azmanizam Tawin dari Bahagian Pengangkutan, Jabatan Logistik dan Teknologi, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka serta DSP Barry William, Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Samarahan, Sarawak.

Dato' Sri Hj. Mohd Khalid dan isteri terlebih dahulu menziarahi kediaman Konstabel Noor Azmanizam di Taman Bukit Katil yang menghidap penyakit buah pinggang, manakala isterinya, Puan Yuzsida Hashim pula disahkan menghidap kanser payudara.

Lawatan diteruskan dengan mengunjungi DSP Barry William yang mengalami kecederaan semasa menyertai pertandingan menembak 21 GGK IPSC Open Level II Tahun 2025 di Kem Sungai Udang, Melaka. Beliau kini menerima rawatan di Wad D2, Hospital Melaka dan dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

Dalam lawatan yang diadakan, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid turut menyampaikan sumbangan serta kata-kata semangat sebagai tanda keprihatinan dan sokongan moral kepada kedua-dua pegawai polis berkenaan serta keluarga mereka.

Kehadiran KPN dan Pengerusi PERKEP Malaysia jelas memberi suntikan semangat serta penghargaan besar kepada warga pasukan yang sedang diuji.

Turut hadir ialah Timbalan Pengarah (Kepolisian Am/Kepolisian Komuniti), Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, DCP Dato' Aida Abdul Hamid, Ketua Polis Melaka, DCP Dato' Dzulkhairi Mokhtar, Pengerusi PERKEP Kontinjen Melaka, Datin Diana Aini Mokter, Setiausaha Polis Malaysia, DCP Abd Rahman Kassim, Ketua Penolong Pengarah Kepolisian Komuniti JPJKK Bukit Aman, SAC Rahimi Ra'ais, barisan pegawai kanan serta ahli-ahli PERKEP Kontinjen Melaka.



KPN JAYAKAN PROGRAM JELAJAH WIRA MADANI 2025 PERINGKAT KONTINJEN MELAKA

BERITA BUKIT AMAN

Melaka, 13 Disember 2025 - Ketua Polis Negara (KPN), MIG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail hadir menjayakan Program Jelajah Wira MADANI 2025 Peringkat Kontinjen Melaka yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka.

Ketibaan beliau bersama isteri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Malaysia, Datin Sri Datuk (Dr.) Hjh. Munirah Che Rose, telah disambut oleh Ketua Polis Negeri, DCP Dato' Dzulkhairi Mukhtar dan timbalannya, SAC Datuk Ahmad Jefferi Abdullah.

Majlis perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, sebagai simbol sokongan dan penghargaan Kerajaan MADANI terhadap jasa serta pengorbanan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) di negeri ini.

Program Jelajah Wira MADANI merupakan inisiatif yang digagaskan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, sebagai medium untuk menzahirkan penghargaan Kerajaan MADANI kepada barisan hadapan serta ahli keluarga PDRM. Inisiatif ini mencerminkan pengiktirafan terhadap pengorbanan dan komitmen berterusan warga PDRM dalam memastikan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

Dalam program berkenaan, seramai 357 orang anak warga PDRM Kontinjen Melaka telah menerima baucar persekolahan. Selain itu, bantuan kebajikan turut disampaikan kepada tiga orang pesara PDRM yang menghidap penyakit kronik sebagai tanda keprihatinan berterusan terhadap kebajikan warga Pasukan.

Sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan akademik anak-anak warga Sang Saka Biru, lapan orang pelajar cemerlang dalam percubaan Ujian Penilaian Kelas Kafa dan Sijil Pelajaran Malaysia 2025 turut menerima penghargaan khas atas pencapaian membanggakan mereka.



TIMBALAN KPN HADIR MESYUARAT TIGA PENJURU ANTARA PDRM, JABATAN KIMIA DAN PEGUAM NEGARA

George Town, 15 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Mesyuarat Tiga Penjuru antara Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia), Jabatan Peguam Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berlangsung di G Hotel Gurney.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, CP Dato' Hussein Omar Khan selaku Pengerusi Jawatankuasa Mesyuarat.

Inti pati mesyuarat antara lain membincangkan hal-hal berkaitan kes-kes jenayah, standard analisis dan kerjasama dalam penyediaan bukti saintifik untuk perbicaraan mahkamah di samping memperkemas proses undang-undang dan memastikan keadilan seperti yang sering dianjurkan secara berkala di peringkat negeri mahupun pusat.

Berucap dalam majlis itu, Tan Sri Ayob Khan berkata, mesyuarat yang diadakan ini merupakan platform strategik yang signifikan, diilhamkan sejak tahun 2019 dan kini terus memainkan peranan penting dalam memperkasa keberkesanan sistem keadilan jenayah di negara.

"Saya juga optimis bahawa dengan gabungan kepakaran, pengalaman luas serta komitmen padu daripada semua rakan strategik yang hadir, mesyuarat ini akan menghasilkan keputusan dan pendekatan yang lebih tuntas, konstruktif serta berimpak tinggi," ujar beliau.

Ia juga menjadi platform pertukaran pandangan dan kepakaran antara agensi terlibat, khususnya dalam memperkukuh kaedah penyiasatan forensik, penyelarasan pengendalian kes serta penambahbaikan prosedur kerja bagi memastikan keberkesanan pembuktian kes di mahkamah.

DATO' SRI AZMI AKHIRI PERKHIDMATAN DENGAN PENUH DEDIKASI

Kuala Lumpur, 15 Disember 2025 - Setelah hampir 39 tahun menabur bakti dan khidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim yang mengukir nama sebagai seorang pemimpin yang berwibawa, berintegriti tinggi dan sentiasa mendahulukan kepentingan Pasukan serta kesejahteraan masyarakat akhirnya menamatkan perjalanan karier beliau sebagai seorang pegawai polis pada 31 Disember 2025.

Menyingkap kembali sejarah perkhidmatan beliau dalam Pasukan, Dato' Sri Azmi memulakan kerjaya sebagai Inspektor Percubaan pada 5 April 1987 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Sepanjang perkhidmatan beliau telah diberikan kepercayaan untuk menjawat pelbagai jawatan penting antaranya Ketua Jabatan Pengurusan Kontinjen Kuala Lumpur, Timbalan Ketua Polis Kelantan dan kemudian sebagai Timbalan Pengarah Pengurusan di Bahagian Dasar Sumber Manusia serta Perkhidmatan dan Perjawatan Bukit Aman.

Pada tahun 2023, kepimpinan beliau semakin menyerlah apabila dilantik sebagai Pengarah Pengurusan sebelum bertukar portfolio kepada Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) pada 16 Disember 2024 atas komitmen tinggi dan khidmat cemerlang yang dipamerkan.

Bagi menghargai jasa beliau dalam Pasukan Sang Saka Biru, majlis Paluan Berundur sempena persaraan beliau telah berlangsung penuh istiadat di Dataran Kawad, PULAPOL Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Ketua Polis Negara, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail bersama barisan kepimpinan tertinggi PDRM dan warga Pasukan sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan besar beliau dalam Pasukan.





Majlis tersebut bertambah istimewa dengan persembahan khas yang menampilkan elemen serta aset jabatan KDNKA sekali gus menyerlahkan suasana penuh istiadat.

Terdahulu, telah berlangsung Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah dan Pengerusi PERKEP Jabatan KDNKA di Mes Pegawai Kanan PDRM, Bukit Aman.

Dato' Sri Azmi menyerahkan jawatan yang disandang kepada pemangkunya, Timbalan Pengarah Jabatan KDNKA (Gerakan/ Operasi) Bukit Aman, CP Dato' Fisol Salleh dengan disaksikan oleh Dato' Sri Hj. Mohd Khalid. Majlis yang berlangsung sekitar jam 2.30 petang itu, dimulakan dengan upacara menandatangani dan pertukaran dokumen serah terima tugas dan kemudiannya disusuli dengan penyerahan tongkat kuasa.

Turut berlangsung dalam majlis yang sama ialah serah terima tugas jawatan Pengerusi PERKEP jabatan KDNKA di antara Datin Sri Sharifah Rodziah Syed Agil kepada Naib Pengerusi PERKEP Jabatan KDNKA Datin Hajah Norli Ahmad yang akan memangku tugas jawatan Pengerusi PERKEP jabatan berkenaan. Penyerahan tugas tersebut telah disaksikan oleh Pengerusi PERKEP Malaysia, Datin Sri Datuk (Dr.) Hj. Munirah Che Rose.

Berucap dalam majlis tersebut, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menyifatkan Dato' Sri Azmi sebagai seorang pemimpin yang keperibadian yang unggul serta kepimpinan yang berkaliber dan merupakan seorang mentor, sumber inspirasi serta tonggak utama dalam pelbagai inisiatif keselamatan negara.

"Pengalaman luas dan kebijaksanaan Dato' Sri Azmi adalah aset berharga yang akan sentiasa menjadi rujukan penting dalam perkhidmatan ini. Kami berharap, sekali pun sudah bersara, Dato' Sri akan terus memberikan pandangan dan nasihat demi kemajuan PDRM," ujar beliau.

Selamat bersara Dato' Sri Azmi Abu Kassim! Semoga Dato' Sri menjalani tempoh persaraan dengan penuh bahagia bersama Datin Sri dan seluruh keluarga tercinta. Kepimpinan Dato' Sri pastinya akan meninggalkan legasi yang tidak akan luput dari ingatan setiap lapisan warga Pasukan Keramat Sang Saka Biru ini.





Georgetown, 16 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang.

Kehadiran beliau telah disambut oleh Ketua Polis (KP) Pulau Pinang, CP Dato' Ts. Azizee Ismail bersama barisan Ketua Jabatan Kontinjen Pulau Pinang sebelum dibawa ke pejabat KP.

Seterusnya, beliau melawat Cawangan Khas IPK Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada rangka lawatan dan turut menyampaikan amanatnya yang berlangsung di Mes Pegawai Kanan yang juga dihadiri oleh Pemangku Ketua Cawangan Khas kontinjen, ACP Poopathy Jayabalan bersama para pegawai kanan polis.

Lawatan ini bertujuan memperkukuh kesiapsiagaan dan kecekapan operasi risikan Cawangan Khas di peringkat kontinjen, selain menzahirkan keprihatinan terhadap kebajikan serta kesejahteraan warga kerja.



PENGARAH PENGURUSAN Pengerusikan Mesyuarat Agung Kali Ke-18 KKS PDRM TAHUN 2025

Kuala Lumpur, 19 Disember 2025 - Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Majid mempengerusikan Mesyuarat Agung Kali Ke-18 Kelab Kebajikan, Sukan dan Sosial (KKS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) Bukit Aman, DCP Dato' Ahmad Dzaffir Mohd Yussof.

Agenda mesyuarat antara lain pembentangan dan pengesahan laporan tahunan serta pelantikan ahli jawatankuasa baharu bagi sesi 2026/2027.

Seusai mesyuarat, Dato' Sri Abdul Aziz yang mewakili Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail turut merasmikan penutupan mesyuarat dan berbesar hati menyampaikan sumbangan geran kepada wakil Persatuan-persatuan PDRM dan Tabung Kebajikan, Sukan dan Sosial Kontinjen, Briged serta Formasi bagi menjayakan aktiviti kebajikan, sukan dan sosial dalam kalangan warga Pasukan.



**TIMBALAN KPN
HADIR SEBAGAI
PANEL DALAM
BICARA EKSEKUTIF
INTEGRITI**

Putrajaya, 19 Disember 2025 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir memenuhi undangan sebagai salah seorang ahli panel dalam Bicara Eksekutif sempena Sambutan Hari Integriti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Tahun 2025 yang diadakan di Dewan Auditorium, Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia.

Turut menjadi panel ialah Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin bersama Presiden Pertubuhan Integriti dan Governan Malaysia, Dato' Sri Dr. Akhbar Satar.

Forum yang bertemakan "Integriti Teras Kesejahteraan Negara" anjuran bersama Cawangan Integriti, Ibu Pejabat dan Persatuan Pegawai Kanan JKDM itu dikendalikan oleh Tuan Sayed Munawar Sayed Mustar selaku moderator.

Dalam majlis yang sama, Tan Sri Ayob Khan turut menyaksikan gimik perasmian Buku Koleksi Kes Tatatertib JKDM yang bertajuk "Permata Menjadi Debu", disusuli dengan penyampaian Anugerah Integriti Peringkat Ibu Pejabat JKDM.



MES PKP PDRM RAI PESARA POLIS SELURUH NEGARA



Kuala Lumpur, 21 Disember 2025 - Mes Pegawai Kanan Polis (PKP) Polis Diraja Malaysia (Mes PDRM) telah menganjurkan Majlis Malam Mes Pesara PDRM Tahun 2025 bertemakan *"Honouring the Gold and Bold"* sebagai penghargaan kepada para pesara pegawai kanan polis yang telah dan akan bersara tahun 2025 dengan penuh dedikasi serta meninggalkan legasi cemerlang kepada Pasukan dan negara.

Seramai 92 pesara PKP dari seluruh negara telah memenuhi undangan menghadiri majlis yang diadakan termasuk tokoh-tokoh kepimpinan Pasukan yang pernah menerajui jabatan PDRM seperti bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, pesara CP Dato' Sri Ramli Mohamed Yoosuf serta bekas Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, pesara CP Dato' Sri Azri Ahmad.

Berucap dalam majlis tersebut, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail merangkap Yang Dipertua Mes, menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pesara atas jasa, pengorbanan serta sumbangan tidak ternilai yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dalam Pasukan, sekali gus menyifatkan mereka sebagai wira negara.

"Jasa dan pengorbanan para pesara PDRM tidak ternilai, dizahirkan melalui kesetiaan, keikhlasan dan amanah sepanjang perkhidmatan. Sumbangan bakti ini akan terus dikenang dalam sejarah PDRM. Berteraskan integriti dan disiplin tinggi, para pesara telah meninggalkan rekod profesional yang membanggakan demi kesinambungan peranan PDRM. Tahniah diucapkan," ujar beliau.

"Saya berharap para pesara terus menyumbang sokongan, nasihat dan pandangan demi kesinambungan kepimpinan PDRM serta keselamatan masyarakat. Persaraan juga wajar dimanfaatkan untuk mengeratkan hubungan keluarga," tambah beliau.

Mewakili para pesara yang diraikan dalam majlis yang diadakan, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia, CP Datuk Ts. Ramdzan Daud merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pucuk pimpinan PDRM atas keprihatinan serta pengiktirafan berterusan terhadap jasa dan sumbangan para pesara.

Sebagai simbol penghargaan dan kenangan, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid seterusnya menyampaikan cenderahati kepada semua pesara yang hadir sebelum majlis melabuhkan tirainya dalam suasana penuh hormat dan penghargaan.

Turut hadir, Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Malaysia, Datin Sri Datuk (Dr.) Hjh. Munirah Che Rose, barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah PDRM bersama isteri serta Ketua Polis (KP) Kuala Lumpur, CP Dato' Fadil Hj. Marsus dan KP Selangor, CP Dato' Pahlawan Shazeli Dato' Kahar.



APNM 2025

IKTIRAF KEPIMPINAN KPN DAN SUMBANGAN PERKEP MALAYSIA

HAJI MOHD KHALID BIN I



Petaling Jaya, 24 Disember 2025 - Kepimpinan Ketua Polis Negara (KPN), IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail serta sumbangan signifikan Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia telah menerima pengiktirafan nasional apabila beliau bersama Pengerusi PERKEP Malaysia, Datin Sri Datuk (Dr.) Hjh. Munirah Che Rose menerima Anugerah Perdana NGO Malaysia (APNM) 2025 yang diadakan di Hotel Sunway Resort.

Dalam majlis tersebut, Dato' Sri Hj. Mohd Khalid menerima Anugerah Khas Kepimpinan Terbilang, manakala PERKEP Malaysia memenangi Kategori NGO Terbaik (Persatuan Keluarga dan Kebajikan) atas sumbangan signifikan kepada pembangunan komuniti, khususnya komuniti Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang diwakili oleh Datin Sri Datuk (Dr.) Hjh. Munirah.

Pengiktirafan yang diterima oleh Dato' Sri Hj. Mohd Khalid mencerminkan peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai sebuah organisasi pasukan keselamatan negara yang telah berusia 218 tahun dan terus menjadi tonggak utama keselamatan serta kesejahteraan negara, dipacu oleh kepimpinan tertinggi yang berwibawa dan berintegriti.

Sementara itu, anugerah yang diterima oleh PERKEP Malaysia mengiktiraf peranan persatuan tersebut sebagai tunjang kesejahteraan keluarga polis, yang sentiasa komited menyokong amanah dan tugas warga Sang Saka Biru dalam melaksanakan tanggungjawab demi keselamatan serta kesejahteraan negara.

Anugerah berprestij itu telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam dalam majlis anjuran Yayasan Generasi Malaysia dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia.

Seluruh warga PDRM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada KPN dan Pengerusi PERKEP Malaysia atas kejayaan tersebut yang mencerminkan kepimpinan berwibawa KPN serta peranan aktif PERKEP Malaysia dalam memperkasa kebajikan warga PDRM dan keluarga mereka, sekali gus menyumbang kepada pembentukan organisasi yang berintegriti, sejahtera dan cemerlang.





KONSEP & TERBITAN:

Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)
Tingkat 2, Menara 1,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman 50560 Kuala Lumpur

Tel: 03-2266 8313 / 8326 / 8329
Faks: 03-2266 8330

KEPADA PEMBACA YANG BUDIMAN,

Jika anda ingin menyumbangkan sebarang karya tulisan seperti artikel / puisi / sajak / informasi menarik berkaitan PDRM untuk dimasukkan di dalam Berita Bukit Aman, sila emelkan kepada kkkorporat@rmp.gov.my atau hubungi 03-2266 8313 / 8326 untuk pertanyaan lanjut